

"WAHAI orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya dan berjuanglah pada jalan-Nya supaya kamu beroleh kemenangan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Maidah, ayat 35.


BERANGKAT KE MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 3 hingga 6)



Berita Utama



UBD terus menerima pengiktirafan antarabangsa

Muka 20



JUMLAH perdagangan Januari 2026 berjumlah BND1,824.1 juta

Muka 25

Berkenan hantar titah perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammed Shahabuddin dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Tarique Rahman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammed Shahabuddin dan Perdana

Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Tarique Rahman serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat Bangladesh sempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh.



OPERASI Mencari temuan warga Malaysia dilaporkan hilang

Muka 26



RENCANA

WALAU berjauhan, Syawal tetap bermakna

Muka 28

Langkah proaktif kerajaan perkasa sektor penjagaan kanak-kanak negara

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihi
Wasahbihee Ajama'een
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada malam yang bersejarah ini bagi menayakan Majlis Penghargaan

Pusat Penjagaan Kanak-kanak 2025 bersempena dengan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2025.

Penganjuran majlis yang dilaksanakan buat julung kalinya ini mencerminkan langkah proaktif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh ekosistem penjagaan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam. Ini menandakan satu transformasi yang lebih tersusun dan berfokus dalam mengangkat peranan pusat penjagaan kanak-kanak sebagai tonggak utama kesejahteraan sosial serta pembangunan modal insan secara menyeluruh.

Majlis ini merupakan manifestasi

penghargaan dan pengiktirafan tulus kami kepada para pengusaha serta pengendali pusat penjagaan kanak-kanak atas dedikasi dan komitmen jitu dalam menyediakan perkhidmatan yang selamat, berkualiti, serta sentiasa mengutamakan kepentingan terbaik kanak-kanak.

Peramba / saya mengambil maklum, sebagai kemuncak majlis, Anugerah Pusat Penjagaan Kanak-kanak Cemerlang Tahun 2025 diperkenalkan sebagai mandat pengiktirafan tertinggi. Ia dianugerahkan kepada pusat yang telah mempamerkan prestasi luar biasa berdasarkan standard dan kriteria yang ketat. Anugerah ini bukan sekadar lambang kejayaan, malah ia merupakan penanda aras (*benchmark*) dan suntikan semangat kepada seluruh sektor untuk terus melonjakkan mutu perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi. Syabas dan tahniah diucapkan kepada pemenang anugerah nanti.

Penghargaan ini turut merangkumi setiap warga kerja - daripada pengurus hingga ke penjaga - yang menjadi nadi kepada keselamatan dan kebahagiaan anak-anak kita.

Kanak-kanak adalah aset negara yang paling berharga. Selaras dengan pendekatan Early Childhood Care and Education (ECCE), kita sedar bahawa fasa awal kehidupan adalah tempoh kritikal yang membentuk asas pembelajaran sepanjang hayat dan sahsiah diri.

Pelaburan dalam ECCE adalah pelaburan jangka panjang bagi mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berdaya saing. Justeru, pusat penjagaan bukanlah sekadar tempat jagaan sementara, tetapi merupakan inkubator perkembangan awal yang holistik.

Sektor ini juga berperanan besar dalam pembangunan sosioekonomi melalui penyediaan peluang kerjaya yang profesional. Kerajaan amat menggalakkan penglibatan golongan belia, terutamanya graduan dalam bidang kejururawatan dan pendidikan awal, untuk menceburi bidang ini sebagai satu kerjaya yang mulia dan diiktiraf kepakarannya.

Dalam usaha kita menuju kecemerlangan, peramba / saya menyeru agar semua pusat penjagaan berani melakukan transformasi, termasuk meningkatkan profesionalisme kakitangan, menjaga nisbah penjagaan yang ideal, serta memperkasa aspek inklusiviti. Kita mahu setiap kanak-kanak, termasuk mereka yang berkeperluan khas, mendapat peluang yang saksama untuk berkembang dalam persekitaran yang menyokong.

Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus komited dalam memperkukuh ekosistem ini melalui penambahbaikan dasar dan pemantauan yang berkesan. Kerjasama erat antara pihak kerajaan dan pihak swasta



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad semasa berucap pada Majlis Penghargaan Pusat Penjagaan Kanak-kanak sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2025 pada Sabtu, 14 Februari 2026 yang berlangsung di The Empire Brunei.

adalah kunci utama bagi memastikan kebajikan anak-anak kita sentiasa terpelihara.

Akhir kata, peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat. Semoga majlis ini menjadi pemangkin kepada kualiti penjagaan yang lebih inklusif dan cemerlang, demi masa depan negara yang kita cintai.

Amin Ya Rabbal Alamin.

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	SABTU	8	4.54	5.04	6.21	6.43	12.27	3.30	6.30	7.39
29	AHAD	9	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39
30	ISNIN	10	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.28	6.29	7.39
31	SELASA	11	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.38
1 APRIL	RABU	12	4.52	5.02	6.19	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38
2	KHAMIS	13	4.52	5.02	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
3	JUMAAT	14	4.51	5.01	6.19	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 34 26 °C	34 26 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar 34 26 °C	34 26 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong 34 26 °C	34 26 °C	33 25 °C	
Kuala Belait 34 26 °C	34 26 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 28 MAC 2026

Mulakan penjagaan kesihatan mulut

MULUT memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Mulut yang sihat bukan sahaja menyokong kesihatan seluruh badan, malah membolehkan kita menikmati kehidupan dengan lebih ceria, sama ada ketika makan, berbual bersama rakan, atau ketawa bersama insan tersayang.

Masalah kesihatan mulut bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal, malah boleh memberi kesan yang signifikan terhadap kesejahteraan seseorang, antaranya: gigi berlubang, nafas berbau atau kehilangan gigi boleh menyebabkan seseorang berasa rendah diri dan malu untuk berinteraksi dengan orang lain.

Sakit gigi juga boleh mengakibatkan gangguan tidur yang serius, perubahan emosi, kesukaran menumpukan perhatian, stres yang berpanjangan sekali gus meningkatkan risiko kemurungan. Masalah kesihatan mulut juga boleh mengakibatkan ketidakhadiran ke tempat kerja dan sekolah, serta menjejaskan produktiviti dan prestasi akademik.

Sempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia yang diraikan pada 20 Mac lalu, orang ramai digalakkan untuk terus mengamalkan penjagaan kebersihan mulut setiap hari. Antara langkah mudah yang boleh diamalkan ialah membersih gigi dua kali sehari dengan ubat gigi yang berfluorida dan menggunakan flos sebelum tidur. Elakkan berkumur selepas memberus gigi bagi memastikan fluorida terus melindungi gigi.

Kurangkan pengambilan makanan dan minuman manis serta berasid dan mengambil makanan yang kaya dengan kalsium dan vitamin D dan membuat pemeriksaan gigi secara berkala atau rutin bagi membantu mengesan dan merawat masalah gigi sebelum ia menjadi lebih serius. Berhenti merokok kerana ia menjejaskan kesihatan gigi, gusi dan juga kesihatan tubuh badan.

Elakkan mendapatkan rawatan daripada individu-individu yang tidak bertauliah yang kini berleluasa di negara ini seperti pendakap gigi tiruan (*fake braces*), venir tiruan (*fake veneers*) dan pemutihan gigi (*teeth whitening*). Yang paling penting, mengamalkan gaya hidup sihat serta pengurusan stres yang baik seperti meditasi, senaman, dan tidur yang mencukupi.

Di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan pergigian sepenuh masa di Pusat Pergigian Negara, pusat-pusat kesihatan, hospital kerajaan dan juga di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak. Perkhidmatan yang disediakan termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut asasi dan perkhidmatan kepakaran pergigian.

Orang ramai bolehlah mengikuti akaun rasmi @dentalbrunei di platform media sosial Instagram dan TikTok untuk mendapatkan panduan penjagaan pergigian serta pelbagai maklumat promosi kesihatan mulut.

Gigi dan gusi yang sihat membawa kepada senyuman gembira. Ia memudahkan awda menikmati makanan yang sedap, tidur dengan nyenyak dan meningkatkan keyakinan. Tidak terlambat untuk mula mengawal kesihatan mulut awda. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دچیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam bonda baginda, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan makam anakanda baginda, Al-Marhum Duli Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis Bertahlil berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

>> Muka 4



ANTARA yang berangkat dan hadir pada majlis berkenaan (kiri).

BACAAN Surah Al-Fatihah dan Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (kiri sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhumah Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar dan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan ke makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.



>> Muka 3

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana

Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 5



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (atas dan kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan ke makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (kiri dan bawah).



>> Muka 4

Bacaan Surah Al-Fatihah dan Tahlil dipimpin oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri

Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, yang juga seterusnya membacakan Doa Tahlil dan diikuti dengan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei

Darussalam.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM juga berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam ayahanda, bonda

dan anakanda baginda, diikuti oleh paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

>> Muka 6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail (atas kiri dan atas).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan ke makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (atas dan kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail (kiri dan bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan ke makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (atas kiri dan atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim. Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

>> Muka 5

Turut berangkat dan hadir ke majlis berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan;

Pehin-Pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman, Setiausaha-setiausaha Tetap; Naib-naib Canselor, mantan-mantan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.



65 PEGAWAI ABDB DINAIKKAN PANGKAT



TURUT hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas), manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, penyampaian lencana pangkat disempurnakan oleh Pemerintah ABDB.

BERAKAS GARISON, Jumaat, 27 Mac. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 65 Pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diperkenankan untuk dinaikkan pangkat.

Seorang pegawai dinaikkan pangkat dari Pemangku Mejar ke Mejar Tetap, 16 pegawai dinaikkan pangkat daripada Kapten / Leftenan (Tentera Laut Diraja Brunei - TLDB) Tetap ke Mejar / Leftenan Komander (TLDB) Tetap

dan tiga pegawai dinaikkan pangkat daripada Kapten Tetap ke Pemangku Mejar.

Seterusnya, seorang pegawai dinaikkan pangkat daripada Pemangku Kapten ke Kapten Tetap, 42 pegawai dinaikkan pangkat dari Leftenan / Leftenan Madya (TLDB) ke Kapten / Leftenan (TLDB) Tetap dan dua pegawai dinaikkan pangkat daripada Leftenan ke Pemangku Kapten.

Penyampaian lencana pangkat telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan bertempat di Mes Pegawai Berakas Garison.

Turut hadir pada majlis tersebut

ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar bagi memberkati majlis tersebut.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Rumah Terbuka TAIB kukuhkan hubungan dengan pihak berkepentingan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, selaku Penasihat Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan hadir pada majlis berkenaan (kiri dan kanan).

Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan dari kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan.



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Kumpulan Syarikat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB), yang merangkumi anak-anak syarikatnya, iaitu Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad, Darussalam Holdings Sendirian Berhad, dan TAIB Filling Station Sendirian Berhad, telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri, hari ini.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri

yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan dihadiri lebih 1,500 tetamu daripada pelbagai sektor.

Hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Penasihat

Juga hadir ialah wakil-wakil badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, institusi kewangan, syarikat insurans, pihak berkuasa pengawalseliaan, rakan strategik perbankan dan kewangan, tetamu daripada pelbagai sektor, pelanggan korporat dan runcit, pemimpin perniagaan dan industri, wakil akademik, anggota media, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), rakan kerjasama serta jemputan lain.

Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB dalam

mengukuhkan hubungan dengan pihak berkepentingan, di samping memupuk semangat perpaduan, penghargaan dan kebersamaan.

Majlis berkenaan juga menjadi wadah untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyokong kemajuan dan pencapaian kumpulan.

Kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua tetamu atas kehadiran mereka dan berharap agar kerjasama serta perkongsian strategik dapat diteruskan pada masa akan datang.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



'EXPORT DRIVE INITIATIVE' MEMPERLUAS PASARAN ANTARABANGSA

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Dalam usaha mengukuhkan daya tahan ekonomi negara serta memperluaskan sumbangan sektor bukan minyak dan gas kepada pertumbuhan pengeluaran dalam kasar negara KDNK. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) terus memberi tumpuan kepada pembangunan industri pertanian, perikanan dan agrimakanan yang lebih berdaya saing, berinovasi serta berorientasikan eksport.

Pada tahun 2025 jumlah nilai keluaran sektor makanan adalah sekitar BND734 juta, iaitu BND557 juta sumbangan daripada sektor pertanian dan agrimakanan dan BND178 juta dari sektor perikanan. Jumlah nilai eksport sektor makanan adalah dalam sekitar BND13 juta iaitu BND7.68 juta dari sektor pertanian dan agrimakanan dan BND5.68 juta dari sektor perikanan.

Sebelum ini tumpuan strategi perkembangan industri menumpukan banyak kepada *self-sufficiency* negara, semata-mata memenuhi permintaan pasaran domestik ini boleh menghadkan potensi pertumbuhannya dan menjadikan

industri ini *stagnant*. Keadaan ini turut menimbulkan risiko kerana sebarang gangguan dalam rantaian pengeluaran boleh menjejaskan sekuriti makanan negara.

Justeru, negara kita perlu melangkah lebih jauh bukan sekadar mencapai tahap sara diri tapi memperkasakan industri tempatan untuk meningkatkan skala pengeluaran dan bersaing di pasaran antarabangsa.

Bagi memastikan sektor makanan terus berkembang dan menyumbang secara berterusan kepada usaha mempelbagaikan ekonomi negara dan menjamin sekuriti makanan, KSSUP memberi tumpuan kepada inisiatif strategik iaitu 'Export Drive Initiative'. Pendekatan ini bukan saja menekankan aktiviti pengeluaran makanan ke arah mencapai sara diri malah turut menggalakkan pengeluaran yang berorientasikan pasaran eksport.

Demikian antara perkara yang diujarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam Kenyataan Menteri di bawah tajuk 'Memperkasakan

Pengeluaran dan Memperluaskan Pasaran Produk Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan' pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Export Drive Initiative memberi beberapa manfaat strategik kepada pembangunan sektor makanan dan jaminan sekuriti makanan negara antaranya adalah seperti berikut iaitu Pertama : Ia membuka dan memperluaskan akses ke pasaran serantau dan antarabangsa sekali gus membolehkan syarikat-syarikat tempatan berkembang secara berterusan.

"Perkembangan ini bukan sahaja meningkatkan sumbangan kepada sektor KDNK malah juga turut menunjukkan banyak peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

"Kedua : Pernyataan dalam pasaran eksport turut mendorong peningkatan dalam pematuhan standard dan kualiti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan khususnya bagi memenuhi keperluan negara

pengimport dalam menyerapkan amalan pengurusan terbaik dalam operasi mereka seperti Brunei Good Agriculture Practice, Brunei Good Aquaculture Practice dan Brunei Good Manufacturing Practice," ujar Yang Berhormat lagi.

Ketiga, tambah Yang Berhormat, usaha memperkukuhkan inisiatif eksport juga menyumbang kepada pengukuhan jaminan sekuriti makanan negara. Peningkatan kapasiti pengeluaran bukan sahaja bertujuan mencapai tahap diri 100 peratus malah berpotensi melebihi tahap tersebut.

Sebagai contoh, dengan pengeksporan telur ayam ke Republik Singapura bermula pada hujung 2022 tahap sara diri bagi telur ayam kini telah meningkat pada 112 peratus dan masih terus meningkat.

Keempat, penglibatan dalam pasaran eksport membolehkan syarikat tempatan mencapai *economies of scale* dengan mengeluarkan pengeluaran kapasiti yang besar dan efisien. Usaha ini membantu mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

domestik serantau dan global.

"Di samping itu dengan meningkatkan pengeluaran domestik akan membolehkan kita mengukuhkan *the whole value chain* terutama pembangunan industri bahan import seperti biji benih, anak ayam, benih ikan dan udang, makanan haiwan dan baja di negara ini dan seterusnya mengukuhkan sekuriti makanan negara," tambah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Inisiatif pastikan produk negara menembusi pasaran antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Bagi memastikan produk negara mampu menembusi pasaran antarabangsa, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut iaitu Pertama : Mengukuhkan kapasiti pihak berkuasa, *competent authority* yang menyelia industri iaitu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan dan juga Autoriti Makanan Brunei Darussalam dan agensi antarabangsa bagi mendapatkan *competent authority* di negara import.

Melalui usaha ini, beberapa produk tempatan telah berjaya menembusi pasaran luar negara. Produk pertanian seperti telur ayam telah dieksport ke Republik Singapura, melon ke Republik Rakyat China dan produk-produk agrimakanan ke Sabah dan Sarawak, Malaysia serta Republik Singapura manakala produk perikanan dieksport ke Republik Singapura, Malaysia, Jepun, Republik Rakyat China dan juga Amerika Syarikat.

Kedua : Meneroka dan mengakses pasaran-pasaran baharu dengan meningkatkan hubungan perdagangan dua hala dengan negara-negara lain melalui kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Usaha ini turut memanfaatkan perjanjian perdagangan seperti Regional Comprehensive

Economic Partnership (RCEP) dan Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP).

Melalui kerjasama dua hala Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China, protokol bagi pengeksporan produk-produk perikanan dan produk bagi pertanian telah di tandatangani bersama dengan pihak General Administration of Customs of the People's Republic of China masing-masing pada tahun 2023 dan 2019. Perjanjian ini membuka peluang kepada pengusaha tempatan untuk memperluaskan pasaran ke negara berkenaan.

Selain itu, hasil perundingan dan bekerjasama dengan *competent authority* di negara pengimport dalam tahun 2024, produk berasaskan daging telah juga berjaya menembusi pasaran eksport ke Sabah, Malaysia dan Republik Singapura.

Dalam masa yang sama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) sedang giat membantu pengusaha-pengusaha sayur-sayuran dan buah-buahan untuk mengeksport ke Republik Singapura antaranya menyelaras dan mengadakan *business matching* dengan empat buah pengedar daripada pihak Republik Singapura serta memberi sokongan dalam penyediaan logistik termasuk kemudahan *cold chain*.

Demikian antara perkara yang diujarkan oleh Menteri

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam Kenyataan Menteri di bawah tajuk 'Memperkasakan Pengeluaran dan Memperluaskan Pasaran Produk Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan' pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Ketiga, ujar Yang Berhormat lagi, peranan dan penglibatan belia yang juga memberi penekanan dan terus memperkasakan dalam melancarkan lagi 'Export Drive Initiative' ini. Ini mengambil kira golongan belia adalah peneraju inovasi serta memberikan sumbangan langsung yang signifikan terhadap peningkatan kapasiti pengeluaran pemakanan domestik bagi mengurangkan kebergantungan kepada import dan seterusnya sekuriti negara.

"Sehubungan itu, KSSUP melalui jabatan-jabatan di bawahnya bergiat aktif dalam melaksanakan ekosistem sokongan seperti program dan inisiatif seperti program pendedahan belia, bertani, belia cipta rasa, projek perintis, pembesaran perusahaan, khidmat nasihat serta program-program yang lain yang di reka khas untuk menarik serta membina kompetensi para pengusaha khususnya dalam

kalangan belia.

"Di samping itu, pembangunan ekosistem keusahawanan belia yang mampan dengan penyerapan yang berkualiti standard yang tinggi dan mematuhi piawaian antarabangsa produk-produk yang dihaskan belia ini berfungsi untuk berpotensi untuk menembusi pasaran global.

"Secara keseluruhannya jumlah pengusaha belia yang aktif dalam industri pertanian, perikanan, agrimakanan telah mencapai seramai 93 orang pada tahun 2025. Daripada jumlah tersebut 86 orang merupakan usahawan dalam bidang pertanian dan 7 dalam bidang perikanan," tambah Yang Berhormat.

Keempat, jelas Yang Berhormat, mempersiapkan syarikat-syarikat tempatan untuk



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENGGUNAAN TEKNOLOGI, TEKNIK MODEN TINGKAT PRODUKTIVITI

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) sedang meneroka pengeluaran benih biji padi hibrid di Negara Brunei Darussalam agar ia tidak terlalu bergantung kepada import.

Salah satu inisiatif penting ialah melalui rundingan dan kerjasama dengan kerajaan Republik Rakyat China bagi penubuhan Hybrid Rice Research Centre di negara ini yang antara lain membina kapasiti negara untuk mengeluarkan biji benih hibrid padi sendiri.

Di samping itu, melalui Stesen Penyelidikan Pertanian di Birau. Penyelidikan juga dijalankan di bidang pembiakan dan penghasilan benih-benih buah tempatan serta pembangunan *variety-variety* baharu buah tempatan.

Di samping mengukuhkan

rantaian nilai, KSSUP juga menumpukan kepada pengukuhan kapasiti pengeluaran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sedehana, (PMKS) melalui beberapa inisiatif.

Inisiatif pertama, penggunaan teknologi dan teknik moden bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil pengusahaan tempatan turut digalakkan teknologi dan teknik moden termasuk automasi.

Antara teknologi dan teknik moden yang diguna pakai pada masa ini ialah Sistem Feed Lot bagi ternakan lembu di Syarikat PDS Abattoir di Batang Mitus. Sistem reban tertutup digunakan oleh kebanyakan ladang-ladang ayam di negara ini.

Dalam perusahaan tanaman, sistem *aquaponic*, pengusahaan tenaga suria, solar, sistem titis, *vertical farming* dalam rumah terlindung, sistem bermeja

bagi kawasan mudah banjir, Recirculating Aquacultural System (RAS), bagi penternakan ikan dan udang dan pemantauan kualiti air melalui Internet of Things (IoT). Penggunaan dron bagi menyemburkan racun dan penggunaan data *analytic* dalam pemantauan ladang.

Demikian antara perkara yang diujarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam Kenyataan Menteri di bawah tajuk 'Memperkasakan Pengeluaran dan Memperluaskan Pasaran Produk Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan' pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Inisiatif kedua, pematuan piawaian keselamatan makanan. KSSUP memberi penekanan pematuan piawaian keselamatan makanan domestik dan antarabangsa melalui persijilan termasuk Brunei Good Agricultural Practice, Brunei Good Aquaculture Practice, Good Animals Husbandry Practice, Good Manufacturing Practice dan Hazard Analysis dan Critical Control Point (HUSAB).

"Pihak KSSUP juga menyelaraskan agensi-agensi antarabangsa seperti Singapore Food Agency dan General Administration of Customs of the People's of Republic of China, bagi memastikan keperluan negara pengimport dipatuhi, sekali gus memperluaskan akses produk tempatan ke rangkaian pasaran pasar raya utama dan pasar raya eksport.

"KSSUP juga turut menitikberatkan usaha memperkukuhkan pengurusan biosekuriti ladang. Usaha ini adalah bagi memastikan para



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

pengusaha dan penternak sentiasa mengamalkan amalan pengurusan terbaik untuk mengelakkan ladang-ladang daripada risiko jangkitan penyakit serta serangan musuh perosak yang boleh menjejaskan pengeluaran," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan lagi.

Bantu pengusaha tingkatkan aspek penjenamaan, pengurusan produk

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. – Selain daripada pelaksanaan piawaian GBJAP, BGAQP dan GAHP, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah dan akan terus memberikan latihan teknikal serta tunjuk ajar kepada para pengusaha di samping menjalankan pemantauan dan audit ladang secara berterusan.

Program-program yang dijalankan oleh pihak KSSUP ini meliputi, Pertama : Pembinaan kapasiti dan latihan termasuk bantuan jabatan-jabatan berkenaan dalam memberi panduan dan membantu syarikat menghasilkan Standard Operating Procedure yang berkesan, mudah diikuti dan dilaksanakan.

Kedua : Pengesanan awal, *early detection* melalui lawatan ladang dan program *surveillance* kebangsaan bagi mencegah dan mengawal penyakit dan juga memastikan ternakan dan tanaman dalam keadaan sihat dan bebas penyakit. Dan Ketiga : Pengawasan penggunaan ubat-ubat *veterinary* serta agen *antimicrobial* bagi mengelakkan *residue* selaras dengan keperluan akses pasaran dan eksport dalam mengekalkan status bebas penyakit.

Demikian antara perkara yang diujarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam Kenyataan Menteri di bawah tajuk 'Memperkasakan Pengeluaran dan Memperluaskan Pasaran Produk Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan' pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026

Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Inisiatif seterusnya, jelas Yang Berhormat lagi, Product Enhancement Program bagi Pengusaha Mikro, Kecil dan Sedehana (PMKS). Melalui Program Product Enhancement, penekanan diberikan kepada usaha mengukuhkan kualiti produk seperti penambahbaikan pembungkusan, pelabelan dan juga Kajian Shelf Life Product bertujuan untuk meningkatkan daya saing produk di pasaran.

Selain itu, inisiatif pembangunan penal nutrisi produk juga diperkenalkan yang mana setakat ini sebanyak 70 produk tempatan telah menjalani analisa kimia di makmal bagi memastikan pelabelan nutrisi yang tepat dan mematuhi keperluan pasaran.

"Projek Seeing is Believing telah dilaksanakan bagi membantu pengusaha meningkatkan aspek penjenamaan dan pengurusan produk. Daripada 10 pengusaha, sebanyak 30 produk tempatan telah menaik taraf identiti visual produk agar lebih menarik dan kompetitif. Kajian penetapan *shelf life product*, juga turut dilaksanakan bagi memastikan ketahanan produk tempatan semasa proses pengedaran dan pemasaran. Sebanyak tujuh syarikat melibatkan 17 produk berjaya melalui proses pengesanan tempoh simpanan produk.

"KSSUP juga terus mengukuhkan pembangunan kapasiti pengusaha melalui pelaksanaan pelbagai kursus dan latihan seperti Program Belia Ciptarasa, Good Manufacturing Practice Awareness Training,

Pendekatan pengurusan risiko bagi sistem kritikal

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. – Pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, mengetengahkan perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan yang antaranya dibahaskan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Yang Berhormat dalam perbahasannya memohon pencerahan tentang ketahanan sistem di bawah EGNC termasuk

mekanisme sandaran susulan insiden platform Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) serta keseimbangan antara kecekapan dan pengurusan risiko.

"Di bawah peruntukan lebih BND57 juta bagi EGNC, kaola ingin menyentuh tahap ketahanan dan kesinambungan sistem digital kerajaan yang kini menjadi komponen penting dalam penyampaian perkhidmatan awam," ujarnya.

Selaras dengan perbincangan dalam persidangan ini yang menekankan kepentingan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, Yang Berhormat mempersoalkan sejauh mana keupayaan sistem kritikal dapat pulih dengan pantas apabila berlaku gangguan?, seperti insiden yang berlaku pada awal tahun ini di platform Jabatan Pengangkutan Darat, serta apakah mekanisme sandaran yang benar-benar berfungsi bagi memastikan perkhidmatan tidak terhenti.

Dalam konteks integrasi sistem yang semakin meluas, Yang Berhormat turut mempersoalkan bagaimana keseimbangan antara kecekapan dan pengurusan risiko dilaksanakan supaya kegagalan pada satu sistem tidak memberi kesan berantai kepada keseluruhan perkhidmatan kerajaan.

"Berikutan kebergantungan yang semakin meningkat terhadap sistem ini, apakah tahap kesiapsiagaan kepakaran tempatan dalam mengurus dan memulihkan sistem teras khususnya dalam situasi yang memerlukan tindakan segera tanpa kebergantungan yang tinggi kepada pihak atau vendor luar?" soalnya.

Dari sudut pengurusan maklumat pula, Yang Berhormat memohon penjelasan penjenamaan dalam mengurus kebergantungan kepada sistem digital termasuk tadbir urus data dan keselamatan maklumat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut mencadangkan pendekatan pengurusan risiko bagi sistem kritikal supaya gangguan tidak menjejaskan keseluruhan operasi kerajaan.

"Sebagai cadangan, mungkin boleh dipertimbangkan pendekatan yang memberi penekanan kepada pengasingan risiko bagi sistem-sistem kritikal supaya gangguan pada satu platform tidak menjejaskan keseluruhan rangkaian perkhidmatan.

"Dalam masa yang sama, keutamaan juga boleh diberikan kepada sistem yang mempunyai impak langsung kepada orang ramai dengan memastikan kapasiti sandaran dan pemulihan diuji secara berkala dalam keadaan sebenar, bukan sekadar di peringkat perancangan supaya tahap kesiapsiagaan itu benar-benar dapat berfungsi apabila diperlukan," ujar Yang Berhormat lagi mengakhiri perbahasannya.

HACCP Foundation, Food Traceability, Product Recall Management, Kursus Pemeliharaan Jenis Ternakan dan juga Kesihatan Haiwan serta Latihan Penggunaan Racun Perosak.

"KSSUP dengan kerjasama

agensi-agensi berkenaan juga memberi sokongan melalui program peningkatan kapasiti, pembinaan penyediaan tapak dan lesen yang lebih sesuai serta bantuan dalam proses permohonan pembiayaan bagi kemudahan perkembangan

perniagaan. Langkah ini penting bagi membolehkan pengusaha tempatan beralih daripada perusahaan skala kecil terutama sekali daripada *homebased* kepada pengeluaran yang lebih tersusun dan berdaya saing," ujar Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



TRANSFORMASI PENGUSAHA TEMPATAN BERORIENTASIKAN EKSPORT

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Untuk mempercepatkan perkembangan industri pemakanan agrimakanan, pendekatan pengelasan pengusaha kepada tiga kategori iaitu Tier One, Tier Two dan Tier Three telah digunakan.

Ini membolehkan kejadian seumpamanya yang lebih bersasar berdasarkan tahap pembangunan perniagaan pengusaha dan juga mempercepatkan transformasi pengusaha tempatan daripada pengeluaran kecil kepada pengeluaran yang berorientasikan eksport.

Pengusaha Tier One terdiri

daripada syarikat yang berjaya menembusi pasaran eksport dan sedang memperluaskan perniagaan mereka ke pasaran antarabangsa.

Sementara itu, Tier Two merangkumi syarikat yang mempunyai potensi berkembang maju dan seterusnya mengembanguaskan pasaran produk mereka bukan saja pasaran domestik malah juga pasaran antarabangsa pada masa yang terdekat.

Manakala Tier Three melibatkan syarikat berskala kecil atau *homebased* yang mempunyai potensi untuk berkembang kepada perusahaan

yang bertapak di kawasan yang lebih sesuai yang membolehkan pengeluaran yang lebih tersusun mematuhi piawaian industri makanan.

Demikian antara perkara yang diujarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam Kenyataan Menteri di bawah tajuk 'Memperkasakan Pengeluaran dan Memperluaskan Pasaran Produk Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan' pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Berbalik kepada inisiatif seterusnya, ujar Yang Berhormat, penambahbaikan sistem logistik untuk membolehkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mengeksport dengan lebih efisien, mengukuhkan logistik termasuk fasiliti *cold chain* dengan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan BIACC serta syarikat-syarikat swasta seperti

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

Syarikat Aqua Cold, Royal Brunei dan Singapore Airlines adalah penting terutama sekali dalam membantu pengusaha mendapatkan penghantaran yang *cost effective*.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, program penambahbaikan bahan import dan sistem penyimpanan turut dilaksanakan untuk memudahkan pengimportan bahan import yang diperlukan oleh pengusaha tempatan dan peningkatan sistem penyimpanan yang efisien serta program perniagaan dengan pembekal tempatan.

"Inisiatif yang lainnya ialah strategi *product differentiation*. Menggalakkan strategi *product differentiation* yang memberikan kelebihan dari segi kualiti dan harga premium untuk bersaing di peringkat antarabangsa dari segi harga adalah amat sukar lebih-lebih lagi apabila bersaing dengan syarikat-syarikat besar dari negara-negara yang mempunyai kos operasi yang lebih rendah.

"Sebagai contoh dari pengalaman pengeksporan udang organik. Negara Brunei



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Darussalam telah berjaya meraih harga premium yang melebihi tinggi dari udang yang sama keluarannya daripada negara-negara lain dengan hanya menggunakan *organic shrimp brand*.

"Usaha lain menggunakan strategi *product differentiation* pada masa ni ialah sayur-sayuran Brunei *pesticide free*, telur ayam omega serta *cornfed chicken* bagi produk ayam Brunei halal bagi produk halal dan penggunaan *premium beef* bagi produk hasil berasaskan daging," tambah Yang

BERBALIK kepada inisiatif seterusnya, ujar Yang Berhormat, penambahbaikan sistem logistik untuk membolehkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mengeksport dengan lebih efisien, mengukuhkan logistik termasuk fasiliti *cold chain* dengan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan BIACC serta syarikat-syarikat swasta seperti Syarikat Aqua Cold, Royal Brunei dan Singapore Airlines adalah penting terutama sekali dalam membantu pengusaha mendapatkan penghantaran yang *cost effective*.

Memacu agenda mempelbagaikan ekonomi negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Sebagai usaha salah satu langkah penting dalam mencapai objektif menembusi pasaran antarabangsa, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) menekankan sokongan dan komitmen strategik kepada penubuhan Agritech Food Zone Brunei - Singapura (ATFZ) sebagai sebahagian usaha memacu agenda mempelbagaikan ekonomi negara.

Inisiatif ini juga akan meningkatkan produktiviti dan memudah cara menembusi pasaran antarabangsa serta keberkesanan ketahanan bekalan makanan bagi kedua-dua negara dengan memudahkan pelaburan agrimakanan bernilai tinggi, menjana peluang pekerjaan serta meningkatkan kapasiti pengusaha tempatan melalui penumpuan pengukuhan inovasi teknologi pertanian di samping menarik lebih banyak pelabur-pelabur asing ke negara ini.

Ia mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua negara dalam pengukuhan kerjasama

dan meningkatkan sekuriti makanan dan ketahanan perdagangan yang mampan dalam sektor agrimakanan.

Melalui pendekatan menyeluruh ini, KSSUP berharap lebih banyak produk pertanian, perikanan dan agrimakanan tempatan dapat menembusi pasaran antarabangsa serta meningkatkan nilai eksport negara pada masa yang akan datang.

Di samping itu, membolehkan syarikat tempatan meningkatkan kapasiti pengeluaran lebih besar dan efisien dan seterusnya mencapai *economic skill*, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya saing di pasaran domestik dan global.

Demikian antara perkara yang diujarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam Kenyataan Menteri di bawah tajuk 'Memperkasakan Pengeluaran dan Memperluaskan Pasaran Produk Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan' pada hari ke-10 Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Walaupun KSSUP memfokuskan kepada usaha-usaha memperkasakan imej eksport ini, pengukuhan sekuriti makanan negara kekal menjadi keutamaan di samping menjana pertumbuhan sektor pemakanan. Kedua-dua strategi ini saling melengkapi dan akan membantu negara mencapai tahap sara diri melebihi 100 peratus.

"Pada keseluruhannya, segala usaha yang diungkuhkan oleh KSSUP menjurus kepada

pertama yang sama iaitu untuk memperkukuhkan lagi sumbangan sektor pemakanan kepada pembangunan ekonomi negara serta membuka lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan kepada pengusaha-pengusaha dan juga anak tempatan dengan menyasarkan peningkatan nilai sektor makanan daripada BND729 juta pada tahun 2025 kepada BND1.5 bilion menjelang tahun 2035.

"Dengan sokongan berterusan daripada semua pihak serta dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, insyaaAllah usaha-usaha ini akan terus mengukuhkan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang makmur, berdaya saing dan berdaya tahan di peringkat serantau dan antarabangsa," ujar Yang Berhormat mengakhiri Kenyataan Menteri pada persidangan tersebut.

SEBAHAGIAN daripada para hadirin pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



'DEMAND RESPONSIVE TRANSIT', FLEKSIBEL BERDASARKAN PERMINTAAN PENGGUNA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Berhubung dengan perkhidmatan bas awam, proses Request for Proposal (RFP) telah berjalan yang mana dua syarikat telah dikenal pasti dan akan diadakan rundingan lanjut mengenainya.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha ketika menjawab persoalan yang

YANG Berhormat turut mencadangkan agar dipertimbangkan satu kerangka penyertaan sivik yang lebih berstruktur dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan yang menyediakan saluran jelas untuk memberikan cadangan, memastikan pengiktirafan yang tepat pada masanya terhadap idea yang berimpak serta menghargai inovasi yang dihasilkan oleh komuniti.

dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat juga turut mengongsikan mengenai 'Demand Responsive Transit' yang lebih fleksibel berdasarkan permintaan pengguna, dengan mengambil kira cadangan orang ramai.

"Kaedah *public transport* yang pada masa ini diterokai selain daripada *core route bus network*, apa yang akan dilancarkan dengan insyaaAllah pada tahun ini adalah 'Demand Responsive Transit' yang mana ini adalah laluan-laluan bas yang tidak mempunyai laluan tetap seperti *it's more on base on demand of the ridership*," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi, pihak kementerian juga mengambil baik cadangan Yang Berhormat

Dayang Chong Chin Yee tentang bagaimana Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dapat mempromosi produk-produk tempatan.

"Untuk makluman, sebelum ini memang ada juga *retailer* yang mempromosi produk-produk tempatan dan juga mendapat sambutan yang baik. InsyaaAllah, seperti jua cadangan untuk bekerjasama dengan pihak BEDB untuk bagaimana kita dapat menempatkan produk-produk tempatan ini untuk mempromosinya di lapangan terbang, insyaaAllah akan disusuli kemudian," ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu dalam perbahasan, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee memohon pencerahan berkenaan usaha memperkukuh penyertaan sivik termasuk kerangka menilai dan mengiktiraf idea awam seperti penambahbaikan Gerai Penjaja di Pantai Jerudong dan menghasilkan peta laluan bas awam yang jelas dan mesra pengguna, berasaskan sistem di negara-negara jiran, memandangkan kedua-duanya adalah relevan dan menerima maklum balas yang positif daripada orang ramai.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menimbulkan persoalan yang lebih luas mengenai penyertaan sivik dan tindak balas institusi dengan menekankan *Whole of Nation Approach* yang menggalakkan rakyat khususnya golongan belia untuk menyumbang idea dan mengambil peranan dalam pembangunan komuniti, yang mana apabila sumbangan seperti ini dikemukakan secara konstruktif bagaimanakah ia dapat diiktiraf,

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

dinilai dan jika bersesuaian diketengahkan untuk pelaksanaan.

"Amalan ini di peringkat antarabangsa boleh dijadikan rujukan, negara-negara seperti Singapura, United Kingdom dan Korea Selatan telah menunjukkan platform berstruktur serta sistem pengiktirafan yang secara rasmi menghargai sumbangan orang awam dan memberikan maklum balas terhadap cadangan yang berkepentingan umum," ujar Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat turut mencadangkan agar dipertimbangkan satu kerangka penyertaan sivik yang lebih berstruktur dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan yang menyediakan saluran jelas untuk memberikan cadangan, memastikan pengiktirafan yang tepat pada masanya terhadap idea yang berimpak serta menghargai inovasi yang dihasilkan oleh komuniti.

Yang Berhormat seterusnya bertanya mengenai perancangan yang ada untuk meningkatkan kemeriahan serta kemampanan komersial di kawasan pelepasan memandangkan jumlah pergerakan penumpang yang agak rendah serta tempoh menunggu selepas imigresen yang agak singkat.

Tambahnya, jika kementerian dapat membuat pertimbangan

untuk menyusun semula aliran penumpang seperti memindahkan pemeriksaan imigresen menjadi lebih hampir ke pintu pelepasan supaya kawasan dengan tempoh menunggu yang lebih panjang dapat dimanfaatkan dengan lebih baik bagi tujuan peruncitan, pemakanan dan pengamalan penumpang secara keseluruhan.

Yang Berhormat turut mengesyorkan jika pihak kementerian dapat bekerjasama dengan BEDB untuk menyokong modal runcit yang lebih fleksibel seperti kiosk berskala kecil atau ruang *pop-up* secara bergilir seperti kiosk Made in Brunei bagi mengurangkan halangan kemasukan kepada *promising* perusahaan kecil dan sederhana?

"Banyak lapangan terbang serantau telah mengamalkan pendekatan sedemikian dengan menyampaikan diri mereka bukan sahaja sebagai titik transit tetapi juga sebagai ruang komersial dan budaya yang aktif," ujarinya.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Pelekat, permit khas kenderaan OKU digunakan secara tertib, berintegriti



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, mengetengahkan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung

Sengkarai pada perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan ingin memohon pencerahan mengenai langkah penguatkuasaan terhadap kenderaan yang diubah suai yang menjejaskan keselamatan termasuk pemeriksaan berkala dan penguatkuasaan undang-undang.

Yang Berhormat menyatakan dalam usaha negara meningkatkan kualiti hidup rakyat dan persekitaran yang selamat serta selesa seperti yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035, isu seperti ini tidak seharusnya dipandang ringan kerana ia memberi kesan langsung kepada kesejahteraan masyarakat.

Perkara ini juga katanya, digariskan dalam Rang Undang-undang Belanjawan Negara yang menyentuh mengenai keperluan sistem pengangkutan yang lebih mesra alam dan teratur.

Jelas menunjukkan bahawa pembangunan sektor pengangkutan perlu selari dengan aspek keselamatan kawalan

pencemaran bunyi dan keseimbangan kehidupan masyarakat.

Yang Berhormat membangkitkan satu isu yang semakin meresahkan masyarakat iaitu kenderaan yang dimodifikasi sehingga mengeluarkan bunyi terlalu kuat seakan-akan letupan khususnya pada waktu malam.

Perkara itu terangnya, bukan saja mengganggu ketenteraman awam malah turut menimbulkan risiko keselamatan akibat pengubahsuaian dan tidak mengikut piawaian yang berpotensi menyebabkan kegagalan sistem serta risiko kebakaran.

"Sehubungan dengan itu, kaola ingin memohon pencerahan apakah langkah penguat kuasa yang sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian terhadap kenderaan yang diubah suai secara tidak sah ini?" soal Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengajukan jika ada terdapat pemeriksaan atau operasi berkala bagi memastikan pematuhan terhadap

piawaian keselamatan dan had bunyi, serta apakah garis panduan had bunyi yang ditetapkan serta tahap pemantauan semasa, dan adakah pihak kementerian bercadang untuk memperketatkan undang-undang serta meningkatkan kesedaran awam khususnya dalam kalangan belia?

Dalam pada itu, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz mengetengahkan isu tentang kemudahan tempat letak kereta bagi Orang Kurang Upaya (OKU).

Terangnya, walaupun penyediaannya semakin berleluasa dan wajar dipuji, namun masih terdapat penyalahgunaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sekali gus menjejaskan hak golongan yang benar-benar memerlukan.

Perkara ini berkait rapat dengan hasrat kerajaan untuk memastikan kehidupan rakyat yang inklusif, berkualiti dan mempunyai akses yang adil kepada kemudahan asas.

Sehubungan itu, Yang

Berhormat mencadangkan agar diperkenalkan satu sistem pengenalpastian rasmi seperti pelekat atau permit khas bagi kenderaan OKU bagi memastikan kemudahan ini digunakan secara tertib dan berintegriti.

"Oleh itu, kaola ingin bertanya adakah terdapat perancangan untuk melaksanakan sistem pengenalpastian rasmi kenderaan OKU? Apakah mekanisme penguatkuasaan sedia ada bagi menangani penyalahgunaan kemudahan ini dan apakah usaha yang sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam menghormati hak golongan OKU?" soalnya.

Yang Berhormat berpendapat dengan penguatkuasaan yang lebih tegas, dasar yang jelas serta kesedaran masyarakat yang tinggi, kedua-dua-dua isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan sekali gus menyumbang kepada persekitaran yang lebih selamat, harmoni dan inklusif selaras dengan aspirasi negara.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



CADANGAN PENYEDIAAN LALUAN BERBASIKAL TERPILIH DI SETIAP DAERAH



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) telah merangka beberapa langkah jangka pendek termasuk memperkenalkan larangan berbasikal di semua lebuhraya serta jalan utama yang mempunyai had laju melebihi 65 kilometer sejam.

Selain itu, MKKJR juga mencadangkan penyediaan laluan berbasikal terpilih di setiap daerah serta pengemaskinian garis panduan berbasikal bagi meningkatkan keselamatan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

pengguna jalan raya. Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha memaklumkan perkara tersebut bagi menjawab isu kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang basikal, yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, cadangan jangka sederhana pula melibatkan pelaksanaan tanda-tanda jalan raya bagi mengenal pasti laluan-laluan yang dilarang serta laluan berbasikal terpilih.

Pindaan undang-undang berkaitan larangan berbasikal akan dilaksanakan, di samping memperketatkan peruntukan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan lalu lintas bagi meningkatkan tahap keselamatan di jalan raya.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan, cadangan jangka panjang melibatkan penyediaan laluan berbasikal khas. Usaha tersebut turut merangkumi penyediaan rancangan kemajuan tempatan yang mengambil kira laluan-laluan berbasikal serta keperluan keterhubungan mobiliti aktif.

Dalam hubungan ini tambah Yang Berhormat, bagi melaksanakan larangan tersebut, pindaan di bawah Road Traffic Bicycle Regulations, Road Traffic Act (Chapter 68) akan dilakukan. Jalan-jalan yang akan dilarang berbasikal termasuklah Lebuhraya Muara-Belait, Lebuhraya Tungku, Lebuhraya Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Lebuhraya Rimba, Lebuhraya Pengiran Muda Al-Muhtadee

Billah, Lebuhraya Tungku-Jerudong serta Jalan Utama Mentiri, Jalan Kebangsaan, Jalan Utama Berakas, Jalan Junjungan, Jalan Labu Puni, Jalan Penghubung Tanah Jambu dan Jalan Rasau.

"Berhubung dengan cadangan rangkaian laluan sebagai laluan alternatif untuk aktiviti berbasikal, MKKJR telah bekerjasama dengan Brunei Cycling Federation dan telah mengenal pasti beberapa rangkaian laluan untuk aktiviti berbasikal khususnya aktiviti *sport cyclist* di Daerah Brunei dan Muara yang dicadangkan adalah laluan Stadium yang akan dibukakan setiap hari, laluan di sepanjang Jalan Perdana Menteri, Jalan Ong Sum Ping dan juga Jalan Kebangsaan dan Jalan Menteri Besar untuk diadakan pada setiap hari Rabu sebelah malam sebagai projek rintis.

"Manakala laluan Bandarku Ceria dengan cadangan rangkaian berbasikal akan diperluaskan.

"Di Daerah Tutong, laluan yang dikenal pasti adalah laluan kawasan Bukit Bendera, manakala di Daerah Belait laluan menuju *cargo dam* dan juga Jalan Labi bermula daripada

Biodiversity Centre, Teraja. Manakala di Daerah Temburong adalah laluan Jalan Pekan Bangar," kata Yang Berhormat.

Pada masa yang sama kata Yang Berhormat, pihak MKKJR telah memperkenalkan Road Safety Action 2030. Inisiatif berkenaan mempunyai lima objektif utama, iaitu mencapai pengurangan 50 peratus jumlah kemalangan jalan raya menjelang 2030, mengurangkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya sebanyak 50 peratus, serta memastikan 80 peratus daripada jalan raya utama mencapai penarafan keselamatan minimum tiga bintang menjelang tahun 2030.

"Untuk makluman, penarafan tiga bintang ini bukan sahaja melihat daripada sudut prasarana jalan raya tetapi juga mengenai dengan *driver behaviour* di laluan-laluan tersebut.

"Seterusnya mengenai dengan kempen-kempen keselamatan yang mana ini akan diteruskan, insyaaAllah, akan dilanjutkan apabila pindaan-pindaan kepada perundangan dan juga untuk membarigakan perkara ini akan diselajurkan juga dengan kempen-kempen keselamatan," ujar Yang Berhormat lagi.

Sistem pembayaran digital 'Tarus' akan digunakan secara meluas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Sistem pembayaran digital Negara Brunei Darussalam 'Tarus' dijangka akan digunakan secara lebih meluas dalam masa yang terdekat ini dengan memperkenalkan kod QR pada fasa kedua.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan perkara itu bagi menjawab soalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sementara itu, sistem identiti digital kebangsaan, BruneiID, yang diperkenalkan pada awal tahun ini juga sedang digunakan secara berperingkat. Pada masa ini, hanya beberapa sistem tertentu boleh mengakses BruneiID, khususnya bagi aplikasi kerajaan.

"Pada masa yang sama, perbincangan juga sedang dijalankan dengan syarikat swasta yang mungkin akan menggunakan BruneiID sebagai

alat Electronic Know Your Customer (EKYC) untuk mengakses aplikasi-aplikasi dalam talian," kata Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat turut menjawab persoalan mengenai peranan agensi-agensi kerajaan dalam mengawal selia dan melaksanakan rangka kerja undang-undang serta dasar bagi memastikan keselamatan dan mengelak sebarang kejadian penipuan (*scammer*), sebuah *helpline* telah ditubuhkan bagi membolehkan orang ramai mendapatkan rujukan dan bantuan untuk menangani isu-isu penipuan tersebut.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, belanjawan dalam pelaksanaan program Digitalization Brunei tidak hanya terhad pada Smart Nation Office tetapi ia juga di bawah biayaan kementerian-kementerian yang melaksanakan projek-projek mereka yang tertentu.

Menyentuh mengenai Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) di mana peratus jumlah kakitangan yang IT Certified pada tahun 2024/2025 adalah 37 peratus dan anggaran bagi tahun 2025/2026 dan seterusnya 2026/2027 menurun kepada 10 peratus, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji

Adanan mempersoalkan punca penurunan peratus tersebut.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelaskan bahawa EGNC menunjukkan peningkatan belanjawan yang diperuntukkan pada tahun ini. Berhubung dengan kompetensi kakitangan EGNC yang dikongsikan sebelum ini, Yang Berhormat dimaklumkan bahawa di bawah inisiatif MTIC 2030, adalah disarankan supaya 100 peratus kakitangan EGNC menerima pensijilan profesional sejajar dengan sasaran yang telah ditetapkan.

Mengenai Pengurusan Transformasi Digital dan Inovasi, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan menjelaskan peningkatan penggunaan media sosial secara berlebihan telah menimbulkan masalah *digital fatigue dan digital addiction* khususnya dalam kalangan belia dan kanak-kanak berumur 16 tahun ke bawah.

Sementara, mengenai perancangan dan pendekatan strategik kementerian bagi membanteras penggunaan media sosial yang berlebihan, Yang Berhormat mencadangkan memperkukuh pengawalseliaan dan pendidikan digital bagi melindungi pembentukan sahsiah serta mengelakkan kesan sosial negatif termasuk eksploitasi *online* seperti *cyberbullying* dan

skim kewangan demi kesejahteraan serta kesihatan minda kanak-kanak.

Sebagai contoh, negara jiran seperti Malaysia, Australia dan United Kingdom telah menguatkuasakan undang-undang untuk melindungi golongan remaja dan kanak-kanak bawah 16 tahun.

Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyatakan bahawa pengawalseliaan penggunaan media sosial bagi mereka yang berumur bawah 16 tahun sedang diteliti untuk diaplikasikan di negara ini.

Bezanya ujar Yang Berhormat lagi, penyedia platform media sosial di negara-negara tersebut bertapak di negara mereka yang



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

membolehkan undang-undang dikenakan. Manakala di negara ini, penyedia platform sosial media tidak bertapak di sini, justeru pihak kementerian sedang meneliti bagaimana kuasa undang-undang tempatan boleh diaplikasikan terhadap aplikasi dan platform tersebut.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERGIATKAN USAHA MENGURANGKAN KEMALANGAN JALAN RAYA, KEHILANGAN NYAWA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Isu keselamatan jalan raya khususnya melibatkan para penunggang basikal yang memang terdedah secara langsung, dengan risiko tinggi terlibat dalam kemalangan jalan raya dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

"Seperti yang *kitani* maklum dan termaktub dalam Road Traffic Act, Chapter 68 dan Road Traffic Bicycle Regulation 2006, gubalan terkini 2022, penunggang basikal adalah salah satu pengguna jalan raya di negara ini.

"Penunggang basikal juga terkawal pergerakan mereka atas jalan raya dengan undang-undang dan peraturan seperti menunggang di tepi kiri jalan, tidak boleh menunggang beriring, iaitu untuk penunggang berkumpulan, memakai topi keledar keselamatan, mesti pakai baju yang cerah, pasang lampu semasa waktu malam atau gelap dan sebagainya dengan mematuhi semua undang-undang jalan raya secara menyeluruh.

"Dalam undang-undang yang sedia ada, tidak ada kenyataan menyatakan yang menunggang basikal di atas lebuh raya dilarang, *dibanned* kecuali jika ada halangan melalui papan tanda atau arahan oleh pihak berkuasa," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata demikian pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tambah Yang Berhormat lagi,

dalam usaha menggalakkan penggunaan kaedah pengangkutan alternatif di negara ini, serta mengambil kira bahawa majoriti jalan raya dua hala, *single carriageway* adalah kurang mesra (*less user-friendly*) kepada penunggang basikal pada ketika itu, inisiatif Share The Road Campaign telah diperkenalkan lebih lima tahun yang lalu. Kempen tersebut telah dibarigakan secara menyeluruh kepada semua pengguna jalan raya termasuk pemandu kenderaan dan penunggang basikal. Pada masa tersebut, pembarigaan yang berterusan telah menunjukkan kesan positif, di mana pemandu kenderaan memahami tanggungjawab masing-masing. Manakala penunggang basikal juga jelas mengenai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan (*the do's and the don'ts*) ketika menunggang di jalan raya.

"Cadangan kaola, jika ia masih bersesuaian dalam pemikiran Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) dan juga dengan peruntukan yang ada untuk kempen ini diaktifkan kembali dan dibarigakan secara menyeluruh ke seluruh negara.

"Pembarigaan yang berterusan adalah sangat penting kerana generasi pengguna jalan raya berubah dari semasa ke semasa.

"Kenderaan pengguna pada 10 tahun yang lalu tidak akan ada kesinambungannya kepada generasi pengguna jalan raya pada masa ini dan masa akan datang, dan di sinilah pentingnya kempen kesedaran atau berterusan ataupun *dibanned* sama sekali di *highway*," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga

mengongsikan bahawa kajian terdahulu oleh para penyelidik telah membuktikan bahawa antara 80 hingga 85 peratus punca kemalangan jalan raya adalah berpunca daripada kelibat pemandu, termasuk kecuaiannya seperti menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Tambah Yang Berhormat, pemanduan terlalu laju bukan saja meningkatkan risiko terlibat dalam kemalangan akan tetapi meningkatkan tahap kecederaan dan kemungkinan risiko tinggi kehilangan nyawa. Dalam usaha membendung kelibat pemanduan terlalu laju, pemasangan *speed reminder* telah pun dilaksanakan di beberapa lokasi di sepanjang lebuh raya di negara ini.

"Dalam hemat kaola, inisiatif ini adalah untuk peringatan sahaja akan tetapi ia tidak membendung pemandu dari memandu dengan laju. Dalam hal ini, kaola ada terbaca satu artikel kajian dari Universiti Teknologi Brunei mengenai sistem yang dipanggil Vehicle Average Speed Monitoring System (ASMoS) menggunakan teknologi Radio Frequency Identification (RFID).

"Fahaman kaola, sistem ini direka untuk membantu pihak penguat kuasa untuk memantau dan mencatat kesalahan berkaitan dengan kelibat pemandu laju.

"Soalan kaola, adakah perbelanjaan perbelanjaan kemajuan dengan kod akaun 1220-002, iaitu Kajian Sains dan Teknologi dan Inovasi akan digunakan oleh pihak MKKJR untuk mengemas kini dan menambah baik sistem ASMoS itu kepada satu sistem yang menggunakan kaedah Kecerdasan Buatan (AI) dan Vehicle Racking System yang lebih pintar dan mudah diguna.

"Apa yang kaola maksudkan ialah untuk alat RFID atau

mana-mana alat pengesan yang terkini untuk dipasang di kenderaan seperti plat lesen dan pemantauan dibuat dari *common center* dengan kawalan AI selama 24 jam," soal Yang Berhormat.

Dengan sistem ini, Yang Berhormat yakin kelajuan pemandu akan dapat dipantau dan dikawal 24 jam mengikut had laju yang ditetapkan di jalan raya di negara ini.

"Ini kaola percaya akan dapat membendung kelibat pemandu laju dan insyaaAllah kemalangan akibat memandu laju akan dapat dikurangkan.

"Dengan adanya sistem yang pintar ini juga, pihak kerajaan tidak perlu lagi untuk berbelanja besar memasang *speed camera* di sepanjang jalan raya di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai cadangan penelitian dan penetapan dasar minimum *star rating* bagi kenderaan berpenumpang di negara ini merupakan satu inisiatif yang bernilai, melalui penilaian tahap keselamatan jalan raya menggunakan kaedah *star rating* di negara ini.

Yang Berhormat berpendapat, dalam usaha kita untuk mengurangkan kemalangan jalan raya serta kehilangan nyawa di negara ini, terdapat dua aspek utama yang perlu diberi perhatian, iaitu membendung dan mengawal kelibat pengguna jalan raya serta memastikan kenderaan yang dijual di negara ini adalah berkualiti tinggi dan pintar serta mampu mengelakkan kemalangan melalui ciri-ciri keselamatan aktif, di samping melindungi pemandu dan penumpang daripada kecederaan melalui ciri-ciri keselamatan pasif.

Berdasarkan pemantauan dan maklumat yang diterima oleh



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat, kenderaan baharu di negara ini sejak beberapa tahun kebelakangan telah menunjukkan perkembangan yang sangat baik, di mana sebahagiannya telah mencapai taraf empat dan lima bintang. Kenderaan-kenderaan berkenaan diuji oleh badan berkecuali di peringkat antarabangsa melalui kaedah New Car Assessment Programme (NCAP).

Dengan penarafan empat hingga lima bintang jelas Yang Berhormat lagi, kenderaan tersebut telah melalui ujian hentaman (*crash test*) dan terbukti mampu mengurangkan risiko serta melindungi pemandu dan penumpang daripada kecederaan serius dan kehilangan nyawa, berbanding kenderaan yang hanya bertaraf dua bintang, insyaaAllah.

"Kaola cadangkan NCAP Star Rating atas kenderaan penumpang ini akan dapat diteliti dan dasarnya akan dapat diterapkan ke arah mempergiatkan lagi usaha pengurangan jalan raya dan kecederaan serta kehilangan nyawa," ujar Yang Berhormat lagi.

Perkhidmatan *runners* berpotensi berkembang menjadi industri mampan, berdaya saing

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Isu keselamatan jalan raya bagi penunggang basikal dapat ditangani dengan lebih berkesan melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi infrastruktur, peraturan, dan kesedaran awam, sekali gus mewujudkan persekitaran jalan raya yang lebih selamat dan inklusif untuk semua.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau berkata, isu kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang basikal dilihat semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.

"Perkara ini juga telah disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan MMN yang antara lain menekankan kepentingan keselamatan jalan raya serta tanggungjawab semua pihak dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara," kata Yang Berhormat pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sehubungan itu, Yang Berhormat mencadangkan beberapa langkah dalam menangani isu berkenaan antaranya menyediakan laluan khas basikal (*dedicated bicycle lane*) yang lebih selamat dan berasingan daripada kenderaan bermotor.

Selain itu, Yang Berhormat turut

mencadangkan pemasangan papan tanda amaran dan penandaan jalan yang lebih jelas, selain penguatkuasaan penggunaan peralatan keselamatan seperti topi keledar dan lampu pada waktu malam.

"Dan keempat, pelaksanaan kempen kesedaran awam yang berterusan seterusnya serta menetapkan garis panduan khusus bagi aktiviti berbasikal berkumpulan agar tidak mengganggu aliran trafik," kata Yang Berhormat.

Sementara itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat mengulas mengenai perkembangan pesat perkhidmatan *runners* di negara ini sama ada secara persendirian mahupun melalui syarikat berdaftar.

"Perkembangan ini selaras dengan perubahan ekonomi semasa yang semakin dipacu

oleh perdagangan digital dan perkhidmatan dalam talian serta menyumbang kepada peluang, pendapatan dan pertumbuhan ekonomi domestik.

Namun begitu, ujar Yang Berhormat, terdapat cabaran dari segi penyelarasan, keselamatan dan keseimbangan antara pengendali individu dengan syarikat berdaftar.

"Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar satu sistem yang lebih bersistematik diwujudkan.

"Antaranya pendaftaran berpusat, piawaian keselamatan dan kualiti serta penggunaan platform digital rasmi.

"Cadangan ini adalah selaras dengan fokus belanjawan untuk memperkasakan ekonomi melalui transformasi dan inovasi serta meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan," kata Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat,



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

juga mencadangkan pendekatan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta sebagai model menang-menang.

"Bagi membangunkan industri ini secara tersusun tanpa menjejaskan perniagaan sedia ada, kaola yakin dengan pendekatan ini, perkhidmatan *runners* berpotensi berkembang menjadi industri yang lebih mampan dan berdaya saing," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MERANGKA PELBAGAI INISIATIF DAKWAH DISESUAIKAN KEMAJUAN TEKNOLOGI DIGITAL

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli MMN, iaitu mengenai skop memperluaskan aktiviti dakwah yang disesuaikan dengan perubahan sosial dan kemajuan teknologi bagi menarik minat generasi muda oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Termasuk kerjasama strategik di antara institusi pendidikan, NGOs dan komuniti setempat bagi memperkukuh ekosistem dakwah negara yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman, juga Penghulu Mukim Bukit Sawat dan skop memanfaatkan teknologi digital bagi memperkukuh sistem pendidikan agama dan penyampaian dakwah oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman menjelaskan, Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU) melalui pelbagai jajarannya, iaitu Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lagi, pihak-pihak berkepentingan yang sama dalam penggunaan teknologi digital seperti Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta komuniti setempat telah merangka pelbagai inisiatif dakwah yang disesuaikan dengan perubahan sosial dan kemajuan teknologi digital sesuai dengan minat industri muda.

Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat menegaskan bahawa inisiatif yang utama KHEU ialah untuk memperkasa infrastruktur digital dakwah dengan pemasangan capaian internet di masjid-masjid dan surau, membangun platform laman sesawang yang mesra pengguna serta menyediakan perisian kreatif. Dalam masa yang sama, belia-belia turut dilibatkan sebagai sukarelawan membantu orang ramai untuk mengguna pakai portal e-Service ugama.

Dari segi media sosial jelas Yang Berhormat lagi, kolaborasi bersama PDI telah menghasilkan pelbagai perisian atau kandungan

dakwah di platform Instagram, Youtube, TikTok, Threads dan lain-lain dengan *engagement* yang meningkat.

"Sebagai contoh saja, kaola diberikan angka bahawa Instagram Story meningkat daripada 13,082 pada tahun 2024 kepada 144,254 pada tahun 2025, iaitu peningkatan lebih kurang 11 kali ganda.

"Namun demikian, kaola difahamkan angka yang direkodkan pada tahun 2024 sebanyak 13,082 itu berkemungkinan besar belum merekodkan daripada platform-platform lain dalam jajaran, apa namanya tu, platform Pusat Da'wah keseluruhannya kerana itulah angkanya sedikit 13,082, itu kemungkinan besar.

"Sementara melalui media penyiaran, iaitu *broadcasting*. Kolaborasi dengan Radio Televisyen Brunei (RTB) pula telah menyiarkan rancangan-rancangan harian, mingguan dan berkala seperti 'The Beauty of Islam', 'Permata Iman', 'Tazkirah Rampai Pag' dan beberapa rancangan kerohanian di televisyen lainnya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, melalui siaran radio pula, termasuklah inti sari Khutbah Jumaat dan Tadabbur Al-Quran. Mengenai Khutbah Jumaat, ada inisiatif dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, menjadikan Khutbah Jumaat setiap Jumaat itu disiarkan dalam bentuk infografik yang memudahkan orang ramai mengikuti isi khutbah. Bukan sahaja dalam bahasa Melayu

bahkan dalam bahasa Inggeris.

Tambah Yang Berhormat lagi, demikian pula melalui program-program kebelaian seperti perkhemahan ACE, Munajat Khas dan 'Faith and Soul Camp' dan lain-lain kegiatan belia dalam kesukuan sedemikian itu menunjukkan betapa teknologi digital dan penyiaran di samping program-program kebelaian dan kolaborasi bersama pihak-pihak yang berkepentingan sama adalah pada mengukuhkan ekosistem dakwah dan pendidikan kerohanian.

"Begitu pula secara jalinan kolaborasi dalam kerjasama strategik dengan institusi pendidikan dan pengajian tinggi UNISSA umpamanya, menghasikan kajian tentang muaf dan dengan KUPU SB menghasilkan program Tadabbur Al-Quran dan Nadi Daie dan kerjasama strategik dengan ITQSHHB pula menghasikan video dakwah kreatif.

"Kesemua inisiatif yang disebutkan adalah menjadi pengukuh ekosistem dakwah senegara seperti yang diharapkan oleh sahabat-sahabat kaola di dewan ini, iaitu yang pertama, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin yang bertanya sambil menyarankan, ini Alhamdulillah Yang Berhormat difahamkan bukan sahaja bertanya tapi bahkan juga menyarankan agar kemajuan teknologi tentu dimaksudkan teknologi digital di samping juga teknologi penyiaran dimanfaatkan dalam memperluaskan aktiviti dakwah untuk menarik minat



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

generasi muda.

"Begitu pula dengan soalan dari Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh yang juga bertanya dengan maksud berharap agar kerjasama strategik dilakukan dengan institusi pendidikan dengan NGO dan dengan komuniti setempat bagi memperkukuh dakwah negara dan ini sedang dan akan terus dilakukan, terima kasih, dan seterusnya Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz yang menanyakan yang kaola fahami bermaksud ingin tahu sambil juga mengandungi saranan-saranan yang dapat difahamkan daripada soalan tersebut, bagaimanakah teknologi digital dimanfaatkan bagi memperkukuhkan sistem pendidikan ugama dan penyampaian dakwah," ujar Yang Berhormat lagi.

Laman sesawang baharu, e-Perkhidmatan KHEU sedang dilaksanakan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman

mengongsikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama sudah menyenaraikan semua urusan utama yang orang ramai perlukan iaitu hasil pemetaan Kementerian, ada 66 perkhidmatan ugama yang dikenal pasti sebagai senarai

SEKITAR hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

induk untuk didigitalkan berperingkat dan dijadikan penanda aras perancangan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, mengongsikan perkara itu pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, tentang transformasi digital, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, berdasarkan senarai itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang membangunkan laman sesawang baharu dan satu portal

e-Perkhidmatan supaya orang ramai tidak perlu mencari mengikut bahagian tetapi boleh pergi ke satu pintu dan memilih mengikut keperluan hidup yakni *live event* yang lebih mudah difahami.

Supaya selaras dengan usaha negara, tambah Yang Berhormat, pelaksanaan ini dibuat dengan pensejajaran *Whole of Government* melalui kolaborasi bersama EGNC termasuk menggunakan platform Kerajaan FormBN, dan Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah melantik FormBN Champion untuk mepercepat pendigitalan borang-borang rasmi secara teratur.

"Yang Berhormat Pengerusi, kemajuan ini juga diikat kepada tiga ukuran, kejayaan dalam pelan strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029, iaitu pertama berapa banyak perkhidmatan teras berjaya didigitalkan? Yang kedua berapa ramai rakyat yang benar-benar menggunakan? Dan yang ketiga tahap kepuasan rakyat supaya yang dibuat nanti

bukan sekadar ada sistem tetapi betul-betul memudahkan. Adalah yang menjadi harapan dan inisiatif awal ini akan mula menampakkan hasil yang lebih jelas dalam Tahun Kewangan baharu ini terutama dari segi akses satu pintu, borang yang lebih tersusun dan pengalaman yang lebih mudah," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



USAHA TRANSFORMASI PA LEBIH CEKAP, BERIMPAK, BERTERASKAN RAKYAT



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof menjelaskan bahawa, Jabatan Perkhidmatan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Pengurusan (MSD) di JPM telah melaksanakan inisiatif pemeduliaan Perkhidmatan Awam (PA) sejak Julai 2025.

Inisiatif itu kata Yang Berhormat, melibatkan penyertaan orang ramai dalam menilai kualiti penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan berasaskan pengalaman pengguna (*user experience*) yang memfokuskan kepada lima kriteria penilaian, iaitu pertama, mudah mendapatkan maklumat; kedua, menepati tempoh dijanjikan; ketiga, etika dan layanan; keempat, kualiti produk; dan terakhir, perkhidmatan dan pengalaman terkini.

Tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II lagi, pemeduliaan juga berupaya menjana data untuk mengetahui kepuasan hati pelanggan yang menerima perkhidmatan secara dalam talian (*online*) mahupun kaunter.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai jika terdapat kajian

berkenaan peningkatan mutu PA yang melibatkan orang ramai berkenaan penyerapan dan penggunaan digital *transformation* dalam PA.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II seterusnya mengongsikan setakat Februari 2026, responden orang ramai telah mencatatkan 84.4 peratus tahap kepuasan hati pelanggan. Setakat ini, sebanyak 79.2 peratus responden berpuas hati dengan penyampaian perkhidmatan secara dalam talian. Pencapaian itu akan dijadikan sebagai garis dasar untuk menilai peningkatan kepuasan hati orang ramai terhadap penyampaian

perkhidmatan secara dalam talian.

"Sebagai langkah ke hadapan, pihak kerajaan melalui pendekatan secara Whole of Government yang diterajui oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan terus berkolaborasi dengan MSD dan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) untuk membudayakan dan memandatorikan pendekatan Business Process Improvement (BPI) bagi setiap perkhidmatan yang akan didigitalkan.

"Pendekatan ini melihat keperluan untuk membuat penilaian yang lebih fokus dan bersepadu berkaitan penerapan serta keberkesanan perkhidmatan digital selaras dengan usaha transformasi PA yang lebih cekap, berimpak dan

berteraskan rakyat," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II seterusnya mengongsikan setakat Februari 2026, responden orang ramai telah mencatatkan 84.4 peratus tahap kepuasan hati pelanggan. Setakat ini, sebanyak 79.2 peratus responden berpuas hati dengan penyampaian perkhidmatan secara dalam talian. Pencapaian itu akan dijadikan sebagai garis dasar untuk menilai peningkatan kepuasan hati orang ramai terhadap penyampaian perkhidmatan secara dalam talian.

"Sebagai langkah ke hadapan, pihak kerajaan melalui pendekatan secara Whole of Government yang diterajui oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan terus berkolaborasi dengan MSD dan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) untuk membudayakan dan memandatorikan pendekatan Business Process Improvement (BPI) bagi setiap perkhidmatan yang akan didigitalkan".

Mengurangkan proses penaksiran duti setem yang dihadapkan melalui kaunter



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Berhubungan dengan duti setem digital, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan dalam memperkemaskan lagi tahap perkhidmatan di Bahagian Hasil Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), antara lainnya pengurangan masa menunggu bagi proses penaksiran duti setem secara manual, penggunaan sijil setem telah diperkenalkan bagi mengganti setem secara *impressed* atau *adhesive* sejak *module e-stamping* di dalam One Common Portal (OCP) mula

digunakan oleh orang ramai pada 17 Disember 2022. "Module *e-stamping* ini merupakan satu ciri yang diperkenalkan dalam OCP bagi membolehkan orang ramai untuk melaksanakan, mengurus dan membayar duti setem bagi instrumen-instrumen tertentu dalam talian tanpa perlu hadir secara fizikal di kaunter-kaunter agensi-agensi pemungut duti setem termasuk Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kehakiman Negara di JPM," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, semasa menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai duti setem digital.

digunakan oleh orang ramai pada 17 Disember 2022.


"Module *e-stamping* ini merupakan satu ciri yang diperkenalkan dalam OCP bagi membolehkan orang ramai untuk melaksanakan, mengurus dan membayar duti setem bagi instrumen-instrumen tertentu dalam talian tanpa perlu hadir secara fizikal di kaunter-kaunter agensi-agensi pemungut duti setem termasuk Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kehakiman Negara di JPM," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, semasa menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai duti setem digital.

Module *e-stamping* itu, kata Yang Berhormat, melibatkan

tatacara penaksiran dan pembayaran duti setem seperti berikut pertama, penggunaan borang duti setem secara dalam talian. Kedua, keperluan memuat naik instrumen yang akan disetem. Ketiga, pengiraan duti setem yang dibuat secara *automatic*. Keempat, bayaran duti setem secara dalam talian termasuk kaedah yang baharu diwujudkan khusus bagi kutipan duti setem, iaitu menggunakan kad kredit secara dalam talian. Dan kelima, pengeluaran sijil duti setem.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Bab 4A dan 4B, Akta Setem Penggal 34, membolehkan sistem ini untuk digunakan dalam urusan rasmi serta urusan komersial. Sejak *module e-stamping* ini diperkenalkan, transaksi secara atas talian telah meningkat. Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Bahagian Hasil, MOFE akan meneruskan usaha untuk mengurangkan lagi proses penaksiran duti setem yang dihadapkan melalui kaunter.

"Antara lainnya bekerjasama



AHLI MMN, Dayang Chong Chin Yee.

dengan pihak Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kehakiman Negara di JPM bagi mengenal pasti mana-mana bisnes proses agensi-agensi berkenaan yang melibatkan penaksiran duti setem ini yang dapat diperkemas kini tanpa perlu melibatkan perubahan undang-undang supaya pengguna *module e-stamping* ini dapat digunakan sepenuhnya," ujar Yang Berhormat lagi.

MODULE e-stamping itu, kata Yang Berhormat, melibatkan tatacara penaksiran dan pembayaran duti setem seperti berikut pertama, penggunaan borang duti setem secara dalam talian. Kedua, keperluan memuat naik instrumen yang akan disetem. Ketiga, pengiraan duti setem yang dibuat secara *automatic*. Keempat, bayaran duti setem secara dalam talian termasuk kaedah yang baharu diwujudkan khusus bagi kutipan duti setem, iaitu menggunakan kad kredit secara dalam talian. Dan kelima, pengeluaran sijil duti setem.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



20 PELADANG TEMPATAN BERJAYA MENGHASILKAN HAMPIR 1 JUTA SETAHUN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Dk. Nurhafilah
Pg. Osman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Kebanyakan peladang tempatan, khususnya dalam kalangan 20 teratas yang dipantau, telah berjaya menghasilkan sekurang-kurangnya 200 ribu setahun, dengan ada yang mencecah hampir satu juta setahun hasil pengeluaran.

Perkara tersebut disampaikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, semasa menjawab soalan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat berkenaan anggaran purata hasil pendapatan yang diperoleh para peladang tempatan serta kemampuannya untuk menampung kos operasi dan kehidupan harian.

Menurut Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, pendapatan peladang sangat bergantung kepada cara mereka mengusahakan ladang. Ada yang mengusahakan sepenuh masa yang mana intensif dan juga menggunakan teknologi yang tinggi, yang boleh mencapai

produktiviti, walaupun mengatasi daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah diadakan, yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pertanian. Jadi peluang itu mesti ada. Jadi ia terpulang kepada pengusaha-pengusaha, peladang-peladang untuk mendapat keuntungan yang lebih.

Yang Berhormat seterusnya menambah bahawa terdapat usaha daripada peladang yang pandai memilih jenis sayur-sayuran yang teratas dari segi permintaan dan juga hasil. Dengan adanya permintaan yang tinggi dan hasil yang tinggi akan boleh membantu mereka mencapai pendapatan yang baik.

Mengenai piawaian atau garis panduan untuk memastikan hasil tempatan berdaya saing dari segi kualiti, kesegaran, keselamatan makanan dan harga di pasaran, Yang Berhormat memaklumkan bahawa Jabatan Pertanian menggalakkan pengusaha untuk mengamalkan amalan pertanian yang baik.

Yang Berhormat seterusnya memaklumkan bahawa pihak kementerian dan Jabatan Pertanian turut menganjurkan untuk meningkatkan kualiti dan

keselamatan makanan dengan menggunakan racun perosak semula jadi berbanding racun perosak kimia.

Mengenai jenis-jenis hasil pertanian tempatan yang mencatatkan permintaan tinggi dalam kalangan pengguna, Yang Berhormat menjelaskan bahawa Jabatan Pertanian mengeluarkan senarai 20 teratas sayur yang mempunyai permintaan tinggi dan harga tinggi.

"Jadi ertinya, pengusaha-pengusaha boleh berunding dengan *bisdurang*, Jabatan Pertanian pun juga turun padang mengusulkan arah *bisdurang ani* yang mana yang baik harus ditanam untuk membolehkan *bisdurang ani* dapat mendapatkan hasil yang tinggi dan juga mendapat keuntungan yang tinggi," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut memaklumkan bahawa baru-baru ini, pihak kementerian telah memulakan inisiatif didorong eksport di mana para peladang digalakkan untuk mengembangkan pasaran ke luar negeri.

"Masa *ani* yang diusahakan ialah untuk ke Republik



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Singapura. Jadi dengan adanya pasaran yang bertambah akan membolehkan *bisdurang* meningkatkan pengeluaran. Di samping *atu* jua, akan memastikan keselamatan makanan dalam dan dalam masa yang sama menembusi pasaran luar negara.

"Sebanyak kira-kira 29 syarikat telah pun mendaftar berminat dalam program *ani*, Alhamdulillah," ujar Yang Berhormat lagi.

Kerajaan terus komited mempercepat penyediaan rumah



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan, sejak tahun 2022, sebanyak 1,586 rumah telah diagih-agihkan kepada pemohon-pemohon.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkata, sejumlah 427 penerima telah diberikan penggeranan tanah Lesen Tumpang Sementara bagi membolehkan mereka untuk terus mendiami tanah kerajaan yang mulanya diberikan secara

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

sementara dan kemudian diberikan penggeranan supaya membolehkan mereka untuk dapat memiliki rumah-rumah tersebut atas perkenan dan anugerah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Dan dalam untuk terus mensasarkan komitmen Jabatan Kemajuan Perumahan, pada masa *ani* terdapat lima projek perumahan yang melibatkan kira-kira 2,596 unit rumah teres sedang dalam pelaksanaan, termasuk Projek RPN Kampung Tanah Jambu Fasa 7 sebanyak 950 unit yang dijangka siap pada bulan Julai tahun 2026 ini.

"Dengan siapnya fasa ini nanti kawasan Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu akan muncul sebagai salah satu pembangunan RPN terbesar yang menghubungkan Mentiri dan Lambak Kanan. Sekali gus membentuk komuniti yang lebih tersusun dengan

kemudahan infrastruktur yang lengkap," ujar Yang Berhormat pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai cara untuk mempercepat penyediaan rumah kepada rakyat, Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya menjelaskan, projek lain yang dirancang termasuk Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2B, 576 unit rumah teres, Perumahan Negara Kampung Rimba Fasa 6 sebanyak 330 unit rumah teres, Perumahan Negara Kampung Salambigar 300 unit rumah teres dan Perumahan Negara Kampung Lumut Fasa 7, 400 unit rumah teres yang mana di mana kerja-kerja permulaan adalah termasuk di dalam peruntukan yang diberikan dalam RKN12 pada masa ini. Sebahagian daripada

projek-projek ini, tambah Yang Berhormat, pada masa ini dalam proses penyediaan dan pelaksanaan tawaran bagi kerja-kerja penyelidikan tanah sebelum pembinaan rumah dan infrastruktur yang lainnya dapat dimulakan.

Selain daripada itu katanya, kementerian pada masa ini mengambil pendekatan untuk mencari di mana kesesuaiannya beberapa cadangan yang telah disampaikan iaitu Public Private Partnership (PPP).

"Usaha ini memang ada dibuat beberapa *consortium company* terutama sekali yang mewakili daripada *consortium* luar negara, memang *kitani* ada berjumpa dan duduk bersama mereka untuk mencari di mana ia dapat mencapai tujuan dan hajat *kitani* sebagai satu PPP.

"DENGAN siapnya fasa ini nanti kawasan Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu akan muncul sebagai salah satu pembangunan RPN terbesar yang menghubungkan Mentiri dan Lambak Kanan. Sekali gus membentuk komuniti yang lebih tersusun dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap".

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENAMBAHBAIKAN TINGKATKAN KECEKAPAN, RESPONSIF JALAN RAYA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menjelaskan, dari segi pelaksanaan semasa kerja-kerja pemeliharaan jalan dilaksanakan melalui kontrak penggal atau projek pembaikan berjadual, terdapat 18 projek pembaikan jalan raya yang telah dan sedang dilaksanakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkata, sebanyak 11 kontrak telah disiapkan melibatkan kira-kira 16.8 kilometer jalan utama, ini termasuklah pembaikan Jalan Mentiri, Kota Batu yang telah siap dilaksanakan.

Manakala jelas Yang Berhormat lagi, selebihnya sedang dalam pelaksanaan penilaian dan tawaran semula yang melibatkan tambahan

pembaikan sebanyak 26.3 kilometer.

"Walau bagaimanapun, Kementerian menyedari terdapat beberapa cabaran yang menyumbang kepada kelewatan antaranya adalah keperluan penyalarsan teknikal dan utiliti bawah tanah, keadaan cuaca yang tidak menentu serta keperluan memastikan kualiti kerja menepati spesifikasi yang ditetapkan," ujar Yang Berhormat pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, beberapa langkah penambahbaikan sedang dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan responsif sistem pemeliharaan jalan raya.

Pertama, katanya, ialah memperkukuhkan keutamaan pembaikan berdasarkan tahap risiko dan impak kepada pengguna khususnya di laluan utama, memperkemas tempoh tindak balas melalui pemantauan berkala dan Kementerian turut

meneliti penggunaan teknologi baharu dalam kerja-kerja membaik pulih dan menurap semula dalam memastikan ketahanan jalan raya selaras juga dengan beberapa cadangan yang disampaikan.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, dengan penggunaan *asphalt fiber reinforcement* atau fiber dalam campuran *asfalt* untuk meningkatkan ketahanan lapisan *asfalt* daripada keretakan dan jalan yang berombak.

Kedua, jelas Yang Berhormat, pemasangan *fiber glass reinforcement grit* bertujuan untuk meningkatkan kekuatan dasar struktur jalan raya untuk lebih tahan terhadap beban lalu lintas seterusnya mencegah jalan raya yang tidak rata, retak dan sebagainya.

Ketiga, tambah Yang Berhormat pula, penggunaan *polymers* yang digunakan dalam campuran *road base* dan ini untuk menghasilkan lapisan yang meningkatkan ketahanan terhadap air dan beban lalu lintas yang mana ini diharapkan dapat mengurangkan kerosakan seperti jalan berlubang, retak dan sebagainya.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

Dan keempat, tambahnya, adalah dari segi penyampaian perkhidmatan, Kementerian juga sedang memperkukuh saluran aduan dan pemantauan bagi membolehkan maklumat kerosakan disalurkan dengan lebih cepat dan teratur.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengambil baik saranan mengenai perkara ini, supaya satu sistem penerimaan aduan ini akan dapat dibuat untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada.

"WALAU BAGAIMANAPUN, kementerian menyedari terdapat beberapa cabaran yang menyumbang kepada kelewatan antaranya adalah keperluan penyalarsan teknikal dan utiliti bawah tanah, keadaan cuaca yang tidak menentu serta keperluan memastikan kualiti kerja menepati spesifikasi yang ditetapkan," ujar Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan sentiasa memantau, menilai penggunaan teknologi, AI

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Kementerian Pendidikan telah melancarkan 'GenAI Guidance for Education - Handbook Edition' pada September 2025 bagi memastikan penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dalam kalangan warga sekolah, khususnya para pelajar, dilaksanakan secara berhemah, selamat dan beretika.

Perkara tersebut disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan demikian sebagai jawapan kepada soalan Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berhubung langkah Kementerian memastikan AI digunakan secara berhemah dan seimbang serta pemantauan keberkesanan penggunaannya.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pendidikan, buku panduan yang disediakan bertujuan membantu para guru dan pelajar memanfaatkan teknologi AI secara berhemah, selaras dengan nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Panduan berkenaan terang Yang Berhormat, akan memberi penekanan kepada aspek keselamatan digital, integriti

MENURUT Yang Berhormat Menteri Pendidikan, buku panduan yang disediakan bertujuan membantu para guru dan pelajar memanfaatkan teknologi AI secara berhemah, selaras dengan nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Panduan berkenaan terang Yang Berhormat, akan memberi penekanan kepada aspek keselamatan digital, integriti akademik, penggunaan AI secara bertanggungjawab serta perlindungan data peribadi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. "Penyediaan panduan tersebut juga adalah selaras dengan garis panduan tadbir urus dan etika AI yang dikeluarkan oleh Authority for Infocommunications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI), di samping mematuhi keperluan undang-undang berkaitan perlindungan data peribadi, iaitu Personal Data Protection Order (PDPO) di Negara Brunei Darussalam (NBD)".

akademik, penggunaan AI secara bertanggungjawab serta perlindungan data peribadi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.

"Penyediaan panduan tersebut juga adalah selaras dengan garis panduan tadbir urus dan etika AI yang dikeluarkan oleh Authority for Infocommunications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI), di samping mematuhi keperluan

undang-undang berkaitan perlindungan data peribadi, iaitu Personal Data Protection Order (PDPO) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Selain itu, pada Mei 2024, Kementerian Pendidikan telah melancarkan Rangka Kerja dan Buku Panduan Digital Citizenship, sebuah panduan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta sikap dan nilai teras warga sekolah sebagai



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

pengguna digital yang bertanggungjawab.

"Panduan ini memberi tumpuan kepada tiga kompetensi utama, iaitu pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*) dan sikap serta nilai (*attitude and values*) bagi memastikan penggunaan teknologi digital di sekolah diamalkan dalam persekitaran yang selamat dan beretika," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa Kementerian Pendidikan akan sentiasa memantau dan menilai penggunaan teknologi dan AI dari semasa ke semasa bagi memastikan ia dimanfaatkan dengan selamat, berhemah dan seimbang.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PROJEK RINTIS KENDERAAN EV BERI PENDEDAHAN PENGGUNAAN KENDERAAN ELEKTRIK



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. – Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan, pelaksanaan Projek Rintis Kenderaan EV yang telah dilancarkan pada 18 Mac 2021 bagi tempoh selama dua tahun yang mana telah berakhir pada Mac 2023 telah membantu dalam memberikan pendedahan berhubung penggunaan kenderaan elektrik (EV).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berucap demikian pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau mengenai perancangan perkembangan EV.

Jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi, kelebihan-kelebihan penggunaan EV dan peralatan pengecasan kenderaan elektrik serta menilai kebolehlaksanaan dan penerimaan orang ramai terhadap penggunaan kenderaan elektrik di pasaran domestik. Sepertimana juga Lengkung Penerimaan Teknologi (Technology Adoption Curve) yang mempunyai lima fasa.

Penerimaan EV di negara ini kata Yang Berhormat, sudah berpindah daripada peringkat

kumpulan perintis kepada peringkat majoriti awal, pengguna majoriti awal. Fasa ini mewakili golongan pengguna pragmatik yang telah beralih kepada kenderaan elektrik setelah melihat bukti nyata tentang ketahanan bateri dan penjimatan kos penyelenggaraan.

"Pada tahap ini, EV bukan hanya untuk peminat teknologi tetapi mula diterima sebagai pilihan pengangkutan yang diterima oleh masyarakat umum. Ini adalah berikutan testimoni atau bukti bahawa teknologi itu benar-benar berfungsi dan berbaloi. Peralihan ini juga telah dibantu oleh pengenalan kadar lesen kenderaan yang rendah berbanding dengan kenderaan enjin konvensional," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, kerisauan mengenai jumlah stesen pengecas awam yang tidak mencukupi, juga tidak menjadi penghalang disebabkan mod utama adalah pengecasan di rumah. Dengan sokongan stesen pengecasan yang disediakan oleh pengedar-pengedar kenderaan dan pemilik bangunan komersial di lokasi-lokasi terpilih juga membantu dengan penerimaan

ini. Setakat Januari 2026, dalam lingkungan 2,000 buah kenderaan elektrik Hybrid Plug-in (PHEV) dan EV sudah didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).

Dalam hubungan ini, kata Yang Berhormat, PHEV ialah yang paling popular kerana ia menawarkan pilihan terbaik bagi pemandu yang dalam fasa peralihan daripada kereta petrol tradisional kepada kenderaan elektrik sepenuhnya.

PHEV, jelas Yang Berhormat, merapatkan jurang antara enjin pembakaran dalaman, ICE dan kenderaan elektrik bateri dengan menyediakan kecekapan elektrik untuk kegunaan harian tanpa kekangan yang ada pada sebuah EV penuh.

"Pada masa yang sama, pilihan model yang juga semakin bertambah serta harga kenderaan-kenderaan PHEV dan EV yang semakin lebih kompetitif. Setakat ini juga sejumlah 40 EV charging stations dan 45 charging points telah pun dipasang di tempat-tempat yang dikenal pasti dan menyediakan pelbagai tahap kemudahan yang merangkumi pengecasan khas untuk jenama tertentu, kegunaan orang ramai serta pemilihan pengecasan percuma atau yang berbayar.

"Khususnya bagi Daerah Temburong, sepertimana

pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman, buat masa ini di Temburong terdapat hanya satu stesen pengecas di The Abode Resort and Spa tetapi hanya bagi pemilik-pemilik jenama tertentu.

"InsyaAllah, dengan meningkatnya penggunaan PHEV dan EV di Daerah Temburong, kemudahan pengecas mungkin akan bertambah," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Cadangan penambahbaikan PKBN dalam mempersiapkan belia ke alam pekerjaan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

mempunyai nilai yang amat tinggi.

Cadangan tersebut, menurut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, amat signifikan khususnya dalam usaha mempersiapkan para belia untuk mendapatkan pekerjaan serta kebolehan menjana kehidupan masa depan.

Perkara berkenaan dinyatakan ketika menjawab pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Yang Berhormat turut mengongsikan maklum balas daripada orang ramai termasuk ibu bapa dan majikan hasil daripada kursus-kursus yang dijalankan di PKBN. Program berkenaan berupaya mengubah peserta dari segi minda, cara berfikir, fizikal serta daya ketahanan diri (*resilience*).

Dari sudut individu, tambah



SEKITAR Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Yang Berhormat, maklum balas ibu bapa menunjukkan terdapat perubahan ketara dalam sikap peserta, termasuk daripada seorang yang kurang menghormati ibu bapa kepada individu yang lebih berdisiplin serta menghormati keluarga.

Manakala daripada perspektif majikan, terdapat perubahan terhadap individu yang sebelum ini mudah berputus asa kepada individu yang lebih cekal,

berdedikasi dan rajin dalam melaksanakan tugas. Perubahan ini jelas dilihat sepanjang pelaksanaan Program Jati Diri yang telah dijalankan sejak dua hingga tiga tahun kebelakangan ini, dengan penerimaan yang amat membanggakan daripada majikan termasuk sektor swasta, jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat menjelaskan lagi bahawa pelaksanaan program

berkenaan melibatkan kos yang tinggi, dengan anggaran sekitar BND3,500 bagi setiap peserta.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, pengurusan sumber kerajaan perlu dilaksanakan secara berhati-hati dengan mengambil kira keperluan sebenar serta jumlah penyertaan yang bersesuaian dalam membuka peluang kepada golongan belia mengikuti program tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menyifatkan cadangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berhubung penambahbaikan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dengan melibatkan golongan belia lepasan sekolah dan yang menanti pekerjaan sebagai sangat bermakna dan

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PEMBANGUNAN KOMPLEKS SUKAN TEMBURONG DITELITI SECARA MENYELURUH, BERFASA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menjelaskan bahawa cadangan membangunkan kompleks sukan serbaguna moden di Daerah Temburong akan diteliti secara menyeluruh dan berfasa dengan mengambil kira keperluan sebenar serta potensi jangka panjang daerah berkenaan.

Perkara tersebut dinyatakan semasa menjawab ulasan dan cadangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan, Daerah Temburong tidak terkecuali daripada perancangan pembangunan negara. Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sentiasa mengambil pendekatan menyeluruh dalam menilai keperluan pembangunan prasarana sukan dengan mengambil kira tahap kesediaan, keperluan semasa serta potensi jangka panjang.

Antara pertimbangan utama, kongsi Yang Berhormat, ialah

jumlah penduduk dan keperluan semasa. Perancangan pembangunan fasiliti sukan adalah berasaskan keperluan sebenar penduduk. Daerah Temburong mempunyai jumlah penduduk sekitar 10,000 orang, secara relatifnya lebih rendah berbanding daerah-daerah lain.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, fasiliti sukan sedia ada di daerah berkenaan telah dinaiktaraf dalam dua Tahun Kewangan yang lalu, termasuk padang dan trek di Kompleks Sukan Temburong. Keperluan menyediakan fasiliti berskala besar pada masa ini masih dalam penelitian dan perlu diseimbangkan dengan tahap penggunaan serta keberkesanan pelaburan jangka panjang.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menegaskan Kementerian sentiasa terbuka sekiranya terdapat minat daripada pelabur untuk membangunkan fasiliti sukan seumpamanya. Mana-mana kompleks sukan atau tapak di mana-mana daerah, termasuk Temburong, akan dipertimbangkan dan dibukakan secara adil sekiranya terdapat minat pelaburan.

Menyentuh pendekatan inklusif *no one is left behind*, Yang Berhormat berkata kerajaan akan terus memastikan akses kepada kemudahan sukan melalui penaiktarafan fasiliti sedia ada, khususnya Kompleks Sukan Batu Apoi. Kompleks berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan

seperti trek olahraga yang telah dinaiktaraf, kolam renang serta gelanggang serbaguna bagi sukan antaranya bola jaring dan sepak takraw.

Terang Yang Berhormat, selain memenuhi keperluan masyarakat setempat, kompleks tersebut juga pernah menjadi tuan rumah pelbagai acara seperti ASEAN Sport Day tahun lalu serta kejohanan sukan termasuk Liga Super bola sepak peringkat kebangsaan. Ini menunjukkan fasiliti sedia ada masih relevan dan mampu menampung keperluan aktiviti sukan semasa secara efektif.

Strategi semasa turut memberi penekanan kepada pengoptimuman fasiliti sedia ada melalui pendekatan perkongsian, termasuk memaksimumkan penggunaan dewan sekolah dan kemudahan komuniti bagi pembangunan sukan di peringkat akar umbi. Pendekatan ini dapat mengelakkan pertindihan pembangunan fasiliti, seterusnya memastikan penggunaan sumber yang lebih cekap dan mampan.

Dari segi kerjasama dengan sektor swasta, ujar Yang Berhormat, kerajaan menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam membangun, mengurus dan menyelenggara fasiliti sukan yang berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi setempat serta mewujudkan peluang pekerjaan. Sehubungan itu, Kementerian telah dan sedang melaksanakan inisiatif Request for Proposal (RFP) bagi membuka peluang kepada syarikat swasta membangunkan fasiliti sukan di tapak-tapak berpotensi.

Kongsi Yang Berhormat, projek berkenaan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta melalui kaedah pajakan tanah, dengan syarikat bertanggungjawab terhadap kajian kebolehlaksanaan, reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan fasiliti. Inisiatif ini telah dilaksanakan secara berfasa di beberapa daerah, antaranya di Kampung Terunjing, Kampung Lambak Kanan dan di Daerah Belait.

Pendekatan yang diambil adalah bersifat holistik dan berimpak tinggi, di mana sebarang pembangunan masa depan akan menitikberatkan konsep pelbagai guna yang bukan sahaja memenuhi keperluan sukan prestasi dan pembangunan atlet, malah berfungsi sebagai pusat aktiviti komuniti termasuk penganjuran acara kemasyarakatan dan program pembangunan belia.

Terdahulu, Yang Berhormat mewakili Kementerian dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peruntukan keseluruhan Tahun Kewangan 2026/2027 berjumlah BND94,400,570, iaitu BND80,451,970 bagi perbelanjaan biasa dan BND13,949,600 bagi perbelanjaan kemajuan.

ANTARA pertimbangan utama, kongsi Yang Berhormat, ialah jumlah penduduk dan keperluan semasa. Perancangan pembangunan fasiliti sukan adalah berasaskan keperluan sebenar penduduk. Daerah Temburong mempunyai jumlah penduduk sekitar 10,000 orang, secara relatifnya lebih rendah berbanding daerah-daerah lain.

Jadikan kadar kebolehpasaran, kebolehkerjaan graduan sebagai KPI institusi

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mencadangkan agar kadar kebolehpasaran dan kebolehkerjaan graduan-graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dimasukkan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) institusi untuk menilai kualiti keberkesanan dan impak sebenar institusi tersebut terhadap pembangunan modal insan negara sekali gus memastikan KUPU SB terus relevan dan mampu menyumbang secara signifikan kepada hala tuju strategik negara.

Yang Berhormat juga menyambut baik kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada 19 Mac 2026 yang lalu mengenai perancangan untuk membangunkan ekosistem digital bagi pengurusan zakat termasuk penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

"Begitu juga inisiatif-inisiatif berasaskan teknologi yang dijelaskan semasa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjawab soalan rakan-rakan sejawat Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sebentar tadi. Ini amat bertepatan dengan hala tuju Wawasan Brunei 2035 dan seiring dengan Pelan Transformasi Digital Brunei 2030 yang menekankan kecekapan perkhidmatan, integriti dan penyampaian yang berpusatkan rakyat.

"Berkaitan itu, kaola berpendapat transformasi digital selain ini zakat, wajar


diperluaskan secara menyeluruh meliputi perkhidmatan-perkhidmatan teras ugama yang masih dilaksanakan secara manual di Kementerian seperti pengurusan wakaf dan baitulmal, hal ehwal perkhidmatan - perkhidmatan berkaitan halal, pendidikan dan juga dakwah," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut mencadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama agensi-agensi yang relevan mempertimbangkan pembangunan satu platform sistem digital yang bersepadu bagi pengurusan perkhidmatan perkhidmatan ugama secara berpusat, bukannya dibina secara

berasingan bagi setiap satu-satu jabatan.

Ini, jelas Yang Berhormat, akan menyokong pengurusan data yang lebih menyeluruh, pemrosesan maklumat dan pelaksanaan perkhidmatan yang lebih pantas, telus dan responsif.

Yang Berhormat yakin pendekatan ini mampu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, memperkukuh tadbir urus Kementerian dan integriti data sekali gus mengangkat status perkhidmatan ugama di negara ini agar terus relevan dan *up to date*, mudah diakses dan berimpak tinggi setara dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH



Hari Jumaat : Menghayati hari yang mulia

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya pada hari Jumaat terdapat satu waktu, (di mana) tidaklah (waktu tersebut) bertepatan (masa) seorang hamba yang Muslim sedang berdoa dengan meminta sesuatu kepada Allah, melainkan (Allah) akan memberikan kepadanya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Oleh itu, marilah kita merebut waktu yang mustajab ini dengan menadahkan tangan penuh harapan, memohon keampunan atas dosa-dosa yang lalu, memohon limpah rahmat dan keberkatan dalam hidup, memohon kekuatan untuk terus istiqamah di jalan Allah Subhanahu Wata'ala, memohon agar hati ini tidak berpaling daripada hidayahnya dan memohon agar kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang dikasihi serta dirahmati di dunia dan juga di akhirat.

Terdapat beberapa amalan sunat yang dianjurkan untuk dilaksanakan pada hari Jumaat yang mulia ini. Antaranya ialah :

Pertama : Memperbanyakkan bacaan selawat kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dicapada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Perbanyakkan berselawat kepadaku pada setiap hari Jumaat. Sesungguhnya selawat umatku akan diperlihatkan kepadaku pada setiap hari Jumaat. Sesiapa yang banyak berselawat kepadaku, dialah yang paling dekat denganku (di dalam syurga)". (Hadis Riwayat Al-Baihaqi)

Kedua : Dianjurkan supaya membaca Surah Al-Kahfi pada hari Jumaat. Dicapada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa yang membaca Surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, maka dia akan disinari oleh cahaya di antara dua Jumaat". (Hadis Riwayat Al-Baihaqi)

Di hari yang penuh keberkatan ini, kita semua berhimpun bersama tanpa mengira darjat, pangkat mahupun bangsa. Kehadiran kita pada hari ini bukan sekadar memenuhi tuntutan Sembahyang Fardu Jumaat, akan tetapi untuk mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian dan penghayatan sebagaimana yang diperintahkan dalam ajaran Islam. Dicapada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

Maksudnya : "Jika engkau mengatakan kepada sahabatmu "dengarkanlah (khutbah)" padahal imam pada waktu itu

sedang berkhutbah, maka sesungguhnya engkau benar-benar telah berkata sia-sia". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Oleh yang demikian, disunatkan bagi jemaah untuk diam dan memberikan sepenuh perhatian ketika khatib sedang menyampaikan khutbah. Ini kerana adalah makruh bagi jemaah bercakap-cakap atau berkata-kata, walaupun dengan niat menasihati orang lain agar diam. Hal ini kerana Khutbah Jumaat mengandungi pelbagai manfaat dan tujuan, antaranya ialah :

Pertama : Menambahkan ilmu pengetahuan khususnya berkaitan hal-hal agama, akhlak dan isu-isu semasa.

Kedua : Menyampaikan nasihat dan tunjuk ajar agar jemaah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dan tidak terpesong daripada landasan syariat.

Ketiga : Meningkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala melalui peringatan yang menyentuh hati dan menyedarkan jiwa.

Keempat : Membangkitkan rasa insaf dan kesedaran agar tidak terus hanyut dalam kelalaian dan keseronokan dunia semata-mata.

Kelima : Mengambil pengajaran dan iktibar daripada ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang dibacakan.

Sungguh menyedihkan apabila masih terdapat segelintir dalam kalangan kita yang memandang ringan terhadap kewajipan mendengar Khutbah Jumaat. Ada segelintir jemaah yang datang lewat hingga terlepas keseluruhan khutbah. Lebih menyedihkan, ada pula yang hanya mengendangnya dari dalam kereta sahaja tanpa sebarang usaha pun untuk melangkah masuk ke dalam rumah Allah Subhanahu Wata'ala ini. Maka di manakah nilai penghormatan kita terhadap syiar agama ini?

Lebih memilukan, ada jemaah yang hadir secara zahiri di dalam masjid, namun fikiran dan hatinya melayang entah ke mana. Khutbah yang disampaikan dengan penuh nasihat dan peringatan, tidak menyentuh hati serta perasaan mereka walau sedikit pun. Mereka duduk di saf yang sama tetapi dalam keadaan bercakap-cakap, bergurau senda dan lebih menyedihkan, ada yang leka melainkan telefon bimbit. Mereka melayari media sosial, menonton video bahkan ada yang bermain game tanpa sedikit pun rasa bersalah, seolah-olah Khutbah Jumaat itu tiada harga, tiada nilai dan tiada makna dalam kehidupan mereka.

Inilah hakikatnya, betapa mudahnya hati

menjadi keras apabila cahaya hidayah dipandang sepi. Di saat khatib sedang menyampaikan amanah dakwah daripada mimbar, menyeru ke arah takwa dan mengingatkan tentang akhirat, sebahagian daripada kita pula sibuk dengan dunia yang melalaikan.

Adapun perbuatan menggunakan telefon bimbit ketika khatib membaca Khutbah Jumaat boleh dikiasikan kepada maksud sebuah hadis sahih yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Sesiapa yang berwuduk dan menyempurnakan wuduknya, kemudian dia pergi (ke masjid) untuk menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, lalu mendengar dan tidak bercakap (ketika khutbah disampaikan), maka diampuni dosa-dosanya yang ada di antara hari Jumaat itu dan hari Jumaat berikutnya dan ditambah tiga hari lagi. Dan sesiapa yang bermain-main dengan anak-anak batu (ketika khutbah) maka dia telah berbuat sia-sia". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Larangan yang disebut dalam hadis tersebut tidak hanya terhad kepada bermain dengan anak batu semata-mata bahkan meliputi semua perbuatan yang boleh mengganggu tumpuan dan kekhusyukan terhadap Khutbah Jumaat. Maka perbuatan menggunakan telefon bimbit ketika khatib sedang berkhutbah adalah termasuk dalam perbuatan yang ditegah kerana ia jelas menjejaskan fokus dan perhatian. Justeru, sewajarnya perbuatan tersebut ditinggalkan sama sekali. Ini kerana kesannya bukan kecil bahkan membaca kerugian yang sangat besar iaitu kehilangan pahala dan kelebihan-kelebihan Sembahyang Fardu Jumaat.

Akhirnya, marilah kita sama-sama merebut keistimewaan hari Jumaat yang hanya datang sekali dalam seminggu. Semoga dengan kedatangannya, kita dapat memperbanyakkan amal ibadat, meningkatkan keimanan dan memperteguhkan ketakwaan kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan setiap amal ibadah yang kita lakukan pada hari yang mulia ini diterima, diberkati dan dikurniakan ganjaran yang besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Sesungguhnya berjaya lah orang-orang yang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka. Dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang sia-sia". (Surah Al-Mu'minun, ayat 1-3)

UBD terus menerima pengiktirafan antarabangsa



UNIVERSITI Brunei Darussalam berjaya menembusi kelompok 100 teratas dunia dalam Theology, Divinity and Religious Studies bagi penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings by Subject 2026, dengan kedudukan dalam 51-100.

TUNGKU LINK, Khamis, 26 Mac. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah berjaya menembusi kelompok 100 teratas dunia dalam Theology, Divinity and Religious Studies bagi penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings by Subject 2026, dengan

kedudukan dalam 51-100.

Pencapaian ini meletakkan UBD antara institusi terkemuka dunia dalam Pengajian Islam serta mencerminkan perkembangan pengaruh akademik global universiti tersebut.

UBD memajukan Pengajian Islam sebagai bidang yang dinamik

dan sentiasa berkembang, dengan penglibatan dalam isu-isu kontemporari merangkumi masyarakat, dasar dan wacana global.

Pengajian Islam di UBD diperkukuhkan oleh Sultan Omar 'Ali Saifuddin Centre for Islamic Studies (SOASCIS), yang menjadi tonggak institusi dalam memacu penyelidikan pelbagai disiplin meliputi sejarah tamadun, tadbir urus, masyarakat kontemporari dan psikologi Islam.

Pusat ini menawarkan program penyelidikan pascasiswazah serta mengendalikan modul wajib universiti, iaitu Tamadun Islam dan Dunia Moden, selaras dengan falsafah Negara Brunei Darussalam, Melayu Islam Beraja (MIB).

Usaha ini turut diperkukuhkan melalui kerjasama antara fakulti, memastikan keilmuan Islam di UBD diaplikasikan dalam menangani cabaran dunia sebenar merangkumi dasar, kesihatan, ekonomi dan masyarakat.

Berdasarkan analisis QS, penerbitan yang diindeks dalam Scopus daripada UBD dalam bidang berkaitan Theology dikenal pasti bagi tempoh 2019 hingga 2023. Kajian-kajian ini

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

kebanyakannya memfokuskan kepada Islam, di samping melibatkan kajian agama yang lebih luas merentasi pelbagai tradisi kepercayaan.

Penyelidikan tersebut merangkumi bidang seperti masyarakat, tadbir urus, sistem kontemporari dan pemikiran agama global, serta melibatkan disiplin lain termasuk sains sosial dan kesihatan. Ini mencerminkan pendekatan multidisiplin UBD serta keupayaannya mengaplikasikan ilmu Islam dalam konteks cabaran dunia sebenar.

Bagi bidang ini, QS telah menganalisis 550 institusi di seluruh dunia, di mana hanya 150 institusi disenaraikan dan diterbitkan, menjadikan kedudukan UBD dalam kelompok 100 teratas sebagai satu pencapaian global yang membanggakan.

Dalam bidang Theology, UBD berada di kedudukan ke-42 dunia dari segi Reputasi Akademik, sekali gus meletakkannya dalam kalangan 50 teratas dunia dalam bidang tersebut. Ini menonjolkan kedudukan kukuh universiti dalam komuniti akademik antarabangsa.

Dalam kalangan universiti Asia Tenggara, hanya 12 institusi disenaraikan dalam bidang ini, dengan UBD berada di tangga ke-6 di rantau ini serta antara yang terbaik dari segi reputasi akademik dan majikan.

"Ajaran Al-Quran dan Sunnah terus menjadi panduan kepada masyarakat merentasi masa dan konteks. Seiring perkembangan cabaran global, terdapat keperluan yang semakin meningkat untuk penglibatan ilmiah yang lebih mendalam dalam mengaplikasikannya merentasi pelbagai disiplin. UBD kekal komited untuk memajukan Pengajian Islam secara berasaskan nilai serta berpandangan ke hadapan," ujar Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle mengenai pengiktirafan tersebut sekali gus mencerminkan kepentingan berterusan ilmu Islam dalam dunia masa kini.

Pengiktirafan ini mengukuhkan lagi kedudukan UBD sebagai sebuah universiti yang berperanan di peringkat global, memajukan ilmu yang berakar pada konteks tempatan dan relevan untuk masa depan.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Tawaran

For A Period Of One (1) Year

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 05 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan / atau Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND50.00

Kelas:
II

Kategori:
KPB05

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 06 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 34 / 2026 / SSBH
The Provision Of Laundry Services For Operating Theatre Suri Seri Begawan Hospital And Kuala Belait Dialysis Center (KBDC) For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND10.00

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 07 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 35 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Double Door Refrigerator For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 08 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 36 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Cleaning Services And Grass Cutting Services For Muara Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 09 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 37 / 2026 / ESTETRI-PASH (TC)
Term Contract For Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate Services From Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Kelayakan Pemborong / Pembekal:

Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 31 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Centrifuge For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 38 / 2026 / SSBH
To Supply And Install Signage Complete With Other Accessories At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas:
II dan III

Kategori:
KPB07

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 32 / 2026 / UPP(TC)
Supply And Delivery Of Anterior Cruciate Ligament Reconstruction (ACL) System For Department Of Orthopaedic, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 33 / 2026 / SSBH
Provision Of Maintenance Services For Pest And Snake Control Services For Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 39 / 2026 / LAB (TC)
The Provision Of An Integrated Pest Control Management System Services For The Clinical Molecular Diagnostic Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) Building, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 40 / 2026 / LAB (TC)
The Supply / Recruitment Of Clinical Care Assistants (CCAs) For Blood Donation Centre And District Hospital Blood Banks, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 41 / 2026 / JPR (TC)
The Provision Of Laundry Services For Rimba Dialysis Centre And Kiarong Dialysis Centre, Department Of Renal Services For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
31 Mac 2026,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 54 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 55 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 56 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 57 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 58 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 59 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 1,000.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 60 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 2,000.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 61 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 62 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 63 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 64 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 65 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 66 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 67 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 68 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 69 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of

Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 70 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 55 / 2026 / ESTETRI-PASH

Keterangan:
Water Pump Replacement Works At Various Location At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
7 April 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
M03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
7 April 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 April 2026
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 049 / 2025

Nama Projek:
Membekalkan Dan Mengganti
Pam Air Mentah
No. 1 & No. 2
Di Bangunan Pam
Air Mentah Mengkubau,
Jabatan Perkhidmatan Air

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-





UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Jawatan:
Ketua Juruteknik Makmal

Tangga Gaji:
C.3-4 EB.5
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

Kekosongan:
1

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam

Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
<https://tinyurl.com/KetuaJuruteknikMakmalUBD26>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **9 April 2026**.

Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan Sahaja

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
<https://tinyurl.com/KetuaJuruteknikMakmalUBD26>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **9 April 2026**.

Bagi pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

Dokumen-dokumen berkenaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pejabat Sumber Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam
[U.P: Bahagian Pengambilan]

Sila Ambil Perhatian:
Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat Kelayakan Minimum (*shortlisted*) akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu Duga.
Bagi permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke:

admin.recruitment@ubd.edu.bn



Jawatan :
Pembantu Perpustakaan
Tingkat I

Tangga Gaji:
D.3 EB.4-5
(BND900 - BND1,625)

Kekosongan:
1

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam
Menghadapkan Borang Permohonan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:

<https://tinyurl.com/PPTKT1>

Hendaklah memuat naik Salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **8 April 2026**.

Bagi pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan

(sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

Dokumen-dokumen berkenaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pejabat Sumber Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam
[U.P: Bahagian Pengambilan]

Sila Ambil Perhatian:

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat Kelayakan Minimum (*shortlisted*) akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu Duga. Bagi permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke:

admin.recruitment@ubd.edu.bn



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / Y02 / 2025 - 2026

Keterangan Tajuk Sebut Harga:

Membekal dan Menghantar Plak Bagi Majlis Penghargaan Cemerlang Peperiksaan Akhir Tahun Dan PSR Pelajar-Pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama 1447H / 2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
12 Syawal 1447H /
1 April 2026M,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)



Iklan Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Arab Dan Asrama (Bahagian Penyajian Makanan Dan Minuman Secara Berhidang Dan Bertapau) Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT / 08

Sekolah Arab Belait, Daerah Belait

Bayaran Dokumen:
BND30.00
(Bayaran Dokumen Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Zulkaedah 1447H /
28 April 2026M,
Tidak Lewat Sebelum
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(I) / 2025-2026
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'I'

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPS(J) / 2025-2026
Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'J'

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Tarikh Tutup:
Rabu,
4 Zulkaedah 1447H /
22 April 2026M,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Jabatan Muzium-Muzium Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
02 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027) - R

Tajuk Tawaran:
Penyewaan Dan Operasi Kafe Muzium Brunei, Bagi Tempoh 5 Tahun, Aras Bawah Muzium Brunei, Kampong Kota Batu

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2025-2026 / 77
Cultural Performance Services For Tourism Related Activities Throughout 2026-2027

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
16 April 2026,
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian





**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,
DIVISIYEN PENGURUSAN
KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Unit Teknologi Maklumat
Divisyen Pengurusan
Korporat,
Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 /
Q01
**Invitation To Supply And
Delivery Of 'Hp' Printer Printing
Toner Cartridges For Ministry Of
Development**

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:**
BND9.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
30 Mac 2026

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis,
9 April 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
13 April 2026

Jam:
Sebelum 9.00 Pagi



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan dan Tajuk Iklan:
FEB2 / 2026 / JAPEM /
COUNTERSCCTV / RB
Supply, Installation,
Configuration, Commissioning,
Testing, Training
And Maintenance
Of CCTV Surveillance System
For Service Counter At Jabatan
Pembangunan Masyarakat

Tarikh Tutup Iklan Tawaran:
Khamis,
9 April 2026,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 002 / 2026
Supply, Delivery And
Commissioning Of A 20/25
MVA 66/11KV ONAN / ONAF
Power Transformer
For Tutong
Bukit Bendera 66KV Station

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN /
1 / 2026-2027
Membekalkan Jamuan
Bagi Mesyuarat-Mesyuarat
Di Kementerian
Sumber-Sumber Utama
Dan Pelancongan Selama
Sebelas (11) Bulan
Bagi Tahun 2026

Tarikh Buka Sebut Harga:
Khamis,
26 Mac 2026

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
23 April 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Iklan Tarikh Lanjutan

Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi

Bilangan Tawaran:

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Dalam
Kelas 4, 5 Atau 6 Dan
Mempunyai, Kategori E03



**Tarikh Taklimat
(Jika Berkenaan):**
Khamis,
26 Mac 2026
Jam Semasa waktu bekerja

***Jika terlepas tarikh taklimat
boleh hubungi
+673 2382136 ext 2408
(Unit Hal Ehwal Kakitangan
dan Korporat)**

**Yuran Setiap Satu Sebut
Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



EGNC / PM / 4.1 / 2.2026
Replacement of
EGNC Email
Messaging Gateway
with Maintenance and
Support for 3 Years,
Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan (EGNC),
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi (MTIC)

**Tarikh Tutup Dilanjutkan
Sehingga:**
Selasa,
31 Mac 2026



**UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI**

**Job Vacancy
At Universiti Teknologi Brunei**

Advertisement No. 02/2026

Date Of Advertisement:
9 March 2026

Closing Date:
8 April 2026

Universiti Teknologi Brunei is
pleased to invite suitably
qualified and dynamic individuals
to apply for the following strategic
commercial position at
Universiti Teknologi Brunei:

Advertisement No. 02 / 2026

Position:
Lead Commercial
Marketing Officer

Salary:
BND3,000.00 Per Month

Vacancy:
One (01)

Contract:
Three (3) Years

**Submission Of
Application Form**

The application form and further
details can be obtained by
downloading them from the
University's website at
<https://www.utb.edu.bn/careerutb/>.

IMPORTANT:
Completed application forms
together with
the following supporting
documents must be submitted via
email to
utbrecruitment@staff.utb.edu.bn
with the email subject titled
"Advertisement No.: 02/2026":

1. Copy of Smart Identity Card
2. Updated Curriculum Vitae (CV)
3. Copies of academic certificates
with transcripts
(Bachelor's degree and above)
4. Copy of latest salary slip
(if applicable)
5. Passport-sized photograph
6. Proof of work experience
7. Referee details (2 referees)
8. A 1 – 2 page statement on
"Your proposed approach to
market development,
stakeholder engagement, and
revenue growth for UTB's
laboratory and professional
services".
9. Any other requirements as
stated in the Universiti Teknologi
Brunei job advertisement

**The closing date for submission
of applications is 8 April 2026,
at 3:00 pm.**

Applicants who are currently
serving in the Government must
submit their application through
their Head of Department,
together with
the following documents,
to the address below:

- A Confidential Report on the
applicant's character and work
performance from the Head of
Department
- Performance Appraisals for the
past 3 years (at least Grade B)
- Certified copies of the Service
Record and Leave Record

**YANG MULIA
REGISTRAR AND SECRETARY
UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI**

**JALAN TUNGKU LINK,
GADONG BE1410
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**[UP: ASSISTANT REGISTRAR
(PERSONNEL), STAFF CENTRE]**

**Advertisement No.: 02/2026
Reference: UTB/S5/1.6 (a)/2026**

All applications must be complete
and submitted no later than the
closing date of the advertisement.
Application forms received after
the closing date will not be
considered.

Only shortlisted applicants
will be notified.



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / Y01 / 2025 -
2026

Keterangan Tajuk Sebut Harga:
Membekal dan Menghantar Plak
Bagi Majlis Hafl At-Takharruj Kali
Ke-32 Sekolah Tinggi Arab
Hassanal Bolkiah,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
1447H / 2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
12 Syawal 1447H / 1 April 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)





Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



HARI JUMAAT: MENGHAYATI HARI YANG MULIA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 07 Syawal 1447H / 27 Mac 2026M

AMALAN SUNAT

1)Memperbanyakkan
bacaan selawat kepada
baginda Rasulullah SAW.

2)Membaca surah
Al-Kahfi pada hari
Jumaat

MANFAAT & TUJUAN

1)Menambahkan ilmu
pengetahuan

2)Menyampaikan nasihat dan
tunjuk ajar

3)Meningkatkan keimanan dan
ketaqwaan ke hadrat Allah SWT

4)Membangkitkan rasa insaf
dan kesedaran

5)Mengambil pengajaran
dan iktibar


Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

JUMLAH PERDAGANGAN JANUARI 2026 BERJUMLAH BND1,824.1 JUTA

Website: deps.mofe.gov.bn
Email: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: @statistics.jpes

جياتن قراچين ايكونومي دان ستاتستيك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

PERANGKAAAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA JANUARI 2026 BND Juta



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Jumlah perdagangan bagi Januari 2026 adalah sebanyak BND1,824.1 juta, yang terdiri daripada eksport bernilai BND1,146.0 juta dan import berjumlah BND678.1 juta, seterusnya mencatatkan imbalan

perdagangan lebih sebanyak BND467.9 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 75.5 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 21.8 peratus, dan bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan sebanyak 0.4 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 30.2 peratus, diikuti oleh Republik Rakyat China dan Jepun, masing-masing sebanyak 22.8 peratus dan 12.2 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala, bagi import, penyumbang utama adalah bahan api galian sebanyak 59.3 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 13.0 peratus, dan makanan sebanyak 11.3 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Republik Singapura sebanyak 33.4 peratus, diikuti oleh Emiriah Arab Bersatu sebanyak 16.3 peratus, dan Malaysia sebanyak 13.9 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian dan makanan.

Manakala, import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk pemrosesan barangan perantaraan sebanyak 59.7 peratus, diikuti oleh barangan modal bagi operasi perniagaan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



sejumlah 35.8 peratus, dan barangan penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 4.5 peratus.

Berbanding bulan Januari 2025, jumlah perdagangan menurun sebanyak 6.1 peratus pada Januari 2026, didorong oleh penurunan eksport dan import masing-masing

sejumlah 6.8 peratus dan 4.8 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi Januari 2026 boleh didapati melalui laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di <https://deps.mofe.gov.bn>.

PENYUMBANG utama kepada nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 75.5 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 21.8 peratus, dan bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan sebanyak 0.4 peratus. Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 30.2 peratus, diikuti oleh Republik Rakyat China dan Jepun, masing-masing sebanyak 22.8 peratus dan 12.2 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Pastikan sumber air bersih sentiasa berkekalan, terjaga

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



AMALAN berjimat cermat ketika menggunakan air di rumah bukan sahaja dapat mengurangkan bil bulanan, malah menyumbang kepada usaha negara dalam memelihara sumber alam (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Setiap individu memainkan peranan penting dalam memastikan sumber air bersih sentiasa berkekalan dan terjaga.

Amalan berjimat cermat ketika menggunakan air di rumah bukan sahaja dapat mengurangkan bil bulanan, malah menyumbang kepada usaha negara dalam memelihara sumber alam. Sumber air bersih adalah anugerah yang tidak ternilai.

Namun, tabiat membazir seperti membiarkan paip terbuka ketika menggosok gigi atau membasuh kenderaan secara berlebihan boleh menyebabkan pembaziran yang ketara.

Setitis air yang dibazirkan, jika dibiarkan, akan menjadi jumlah yang besar - seperti mana pepatah Melayu, 'Sikit-sikit, lama-lama menjadi bukit'.

Terdapat pelbagai cara mudah untuk mengamalkan penjimatan air.

Pertama, periksa paip dan saluran air secara berkala bagi mengelakkan kebocoran, titisan air dari paip yang bocor boleh membazirkan beratus-ratus liter air dalam sebulan.

Kedua, gunakan mesin basuh dengan muatan penuh, cara ini lebih efisien berbanding membasuh pakaian dalam kuantiti sedikit tetapi kerap.

Seterusnya, pasang *shower head* yang cekap air dan hadkan masa mandi tidak melebihi lima hingga sepuluh minit.

Selain itu, air basuhan beras atau air bilasan pakaian yang terakhir boleh dikumpul semula untuk menyiram pokok atau membersihkan laman.

Di dapur, gunakan bekas untuk mencuci sayur dan buah, bukannya membiarkan air paip mengalir berterusan. Pendidikan tentang



kepentingan penjimatan air perlu diterapkan dalam kalangan ahli keluarga sejak kecil.

Ibu bapa boleh menjadi contoh teladan dengan menunjukkan cara menggunakan air secara berhemah. Kesedaran awam yang tinggi adalah kunci kejayaan pemuliharaan air.

Dengan mengamalkan budaya berjimat di rumah, setiap keluarga secara tidak langsung membantu memastikan bekalan air bersih kekal terpelihara untuk generasi akan datang.

Marilah kita bersama-sama menjadikan penjimatan air sebagai satu amalan hidup yang murni.

IHP MENURUN 0.3 PERATUS BAGI FEBRUARI 2026

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Bagi bulan Februari 2026, Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun sebanyak 0.3 peratus berbanding bulan Februari 2025, disebabkan oleh penurunan Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.5 peratus. Manakala, Indeks Makanan dan Minuman Ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus.

Penurunan Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan kos Rekreasi dan Kebudayaan (2.9 peratus), khususnya perkhidmatan langganan penstriman media atas talian; Perhubungan (3.5 peratus), khususnya pakej perkhidmatan internet; dan Pakaian dan Kasut (1.2 peratus).

Bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan, peningkatan

tersebut adalah terutamanya didorong oleh kenaikan harga Ikan dan Makanan Laut (4.8 peratus), khususnya ikan segar; Buah-buahan (3.2 peratus) khususnya buah-buahan segar tropika; dan Kopi, Teh dan Koko (4.7 peratus).

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Februari 2026 meningkat sebanyak 0.2 peratus daripada bulan Januari 2026, didorong oleh peningkatan kedua-dua Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.6 peratus dan 0.1 peratus.

Peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya didorong oleh peningkatan harga Daging (1.0 peratus); Ikan dan Makanan Laut (1.1 peratus); dan Sayur-sayuran


(1.5 peratus).

Manakala, peningkatan Indeks Makanan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga Pakaian dan Kasut (5.2 peratus); Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (0.3 peratus); dan Perhiasan, Perkakasan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (0.3 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Februari 2026 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn/>.



Operasi Mencari menemukan warga Malaysia dilaporkan hilang



ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) baru-baru ini melaksanakan Operasi Mencari bermula pada 19 hingga 25 Mac 2026 di kawasan Sungai Ulu Temburong, bagi membantu pihak berkuasa Malaysia dalam usaha mencari seorang lelaki warga Malaysia yang dilaporkan hilang berhampiran kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam (NBD)-Malaysia pada 17 Mac 2026 (atas dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

ULU TEMBURONG, Khamis, 26 Mac. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) baru-baru ini telah melaksanakan Operasi Mencari bermula pada 19 hingga 25 Mac 2026 di kawasan Sungai Ulu Temburong, bagi membantu pihak berkuasa Malaysia dalam usaha mencari seorang lelaki warga Malaysia yang dilaporkan hilang berhampiran kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam (NBD) - Malaysia pada 17 Mac 2026.

Mangsa merupakan anggota pasukan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang sedang melaksanakan kerja-kerja pengukuran di sempadan antara kedua-dua buah negara.

Operasi berkenaan melibatkan pelbagai agensi keselamatan NBD, termasuk Platun Gerak Khas, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Pasukan Polis Simpanan 'C' Kompeni, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) serta Pasukan Sekuriti Gurkha.

Selepas tujuh hari operasi pencarian dilaksanakan, mangsa ditemui dalam keadaan meninggal dunia di sekitar kawasan Sungai Ulu Temburong pada 25 Mac 2026.

Susulan penemuan berkenaan, ABDB telah melaksanakan proses pengeluaran mangsa menggunakan pesawat helikopter TUDB untuk dibawa ke

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa Malaysia di Miri, Sarawak.

Jenazah mangsa dipindahkan dari Pusat Pergerakan Udara, Pangkalan Tentera Udara Rimba ke Hospital RIPAS bagi melaksanakan bedah siasat serta proses pengecaman oleh waris.

Operasi berkenaan mencerminkan komitmen berterusan ABDB bersama agensi-agensi keselamatan dalam memperkukuh kerjasama keselamatan serantau, khususnya dalam pelaksanaan operasi seumpama ini, di samping memastikan keselamatan serta kesejahteraan kawasan sempadan sentiasa terpelihara.

Gangguan perkhidmatan rangkaian dalaman di Pusat Pemeriksaan Kesihatan Berakas

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Pusat Pemeriksaan Kesihatan Berakas kini sedang mengalami gangguan perkhidmatan rangkaian dalaman (*internal network connectivity*) berikutan isu teknikal yang tidak dijangkakan.

Sehubungan dengan itu, beberapa perkhidmatan kesihatan di Pusat Pemeriksaan Kesihatan Berakas telah terjejas berikutan sistem Bru-HIMS tidak dapat diakses buat sementara waktu.

Antara perkhidmatan yang terjejas adalah Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing (termasuk Klinik Konsultasi Pekerja Asing), Perkhidmatan Suntikan dan Perkhidmatan Klinik Kesihatan Cara Kerja.

Bagi individu yang telah membuat temu janji bagi perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan melalui aplikasi BruHealth, adalah dinasihatkan untuk menukar janji temu masing-masing melalui aplikasi BruHealth.

Kementerian Kesihatan sedang berusaha menangani isu teknikal ini dengan segera dan memohon maaf di atas sebarang kesulitan dan ketidakselesaan yang dialami. Kefahaman, kerjasama dan kesabaran orang ramai ke arah perkara ini adalah sangat dihargai.

Bagi sebarang maklumat terkini, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn, mengikuti media sosial rasmi @mohbrunei atau menghubungi talian +673 2331100 / +673 2331102 / +673 2331103 (semasa waktu pejabat), sambungan 201 (Pusat Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing), sambungan 207 (Pusat Suntikan) dan sambungan 208 / 209 (Klinik Kesihatan Cara Kerja).



HARGAI, PELIHARA KEINDAHAN TRADISI HARI RAYA



AKTIVITI bermain mercun dan bunga api secara tradisional walaupun masih ada, cara sambutan dengan permainan tradisional seperti bunga api kecil dan mercun buatan sendiri semakin kurang diamalkan, mungkin disebabkan faktor keselamatan dan undang-undang, generasi kini lebih tertarik kepada hiburan digital berbanding aktiviti luar.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN,

Rabu, 25 Mac. - Setiap kali menjelang Syawal, suasana kegembiraan jelas terasa dalam kalangan umat Islam, namun di sebalik kemeriahan lampu hiasan, pakaian baharu dan juadah yang pelbagai, timbul satu persoalan yang semakin relevan, ke manakah perginya tradisi Hari Raya yang suatu ketika dahulu begitu sinonim dengan kehidupan

masyarakat?

Selain sebagai tanda kemenangan selepas sebulan berpuasa, Hari Raya juga kaya dengan pelbagai tradisi dan budaya yang diwarisi turun-temurun.

Namun begitu, seiring dengan peredaran zaman dan perubahan gaya hidup moden, terdapat beberapa amalan tradisi Hari Raya yang semakin kurang dilihat dalam

masyarakat hari ini.

Selain sanak saudara, rumah suatu ketika dahulu meriah dikunjungi oleh jiran tetangga, rakan-rakan, anak-anak muda dan anak-anak kecil yang berkunjung dari rumah ke rumah merupakan antara kemuncak sambutan Hari Raya.

Kini, amalan tersebut semakin berkurang mungkin disebabkan perubahan arus kemonotan, kekang masa, jarak serta komitmen kerja, dan malah ada yang hanya beraya secara ringkas atau sekadar berhubung melalui media sosial.

Satu ketika dahulu juga, kad ucapan Hari Raya menjadi medium utama untuk menyampaikan ucapan dan ingatan, tradisi menghantar kad raya yang pernah menjadi simbol ingatan dan kasih sayang kini hampir pupus.

Generasi terdahulu pasti mengingati detik menunggu kad raya tiba di peti surat, lengkap dengan ucapan tulus yang ditulis tangan, namun generasi masa kini, ucapan tersebut lebih banyak dihantar melalui aplikasi digital yang lebih pantas dan mudah, tetapi kurang nilai sentimentalnya.

Dalam pada itu, budaya gotong-royong menyediakan juadah Hari Raya juga semakin dilupakan.

Dahulu, penyediaan ketupat, lemang, rendang dan pelbagai kuih-muih tradisional dilakukan bersama-sama, mencerminkan semangat kekitaan yang utuh, kini

ramai memilih jalan mudah dengan membeli makanan siap atau menempah catering, sekali gus menyebabkan nilai kerjasama dan kemesraan itu semakin pudar.

Aktiviti bermain mercun dan bunga api secara tradisional walaupun masih ada, cara sambutan dengan permainan tradisional seperti bunga api kecil dan mercun buatan sendiri semakin kurang diamalkan, mungkin disebabkan faktor keselamatan dan undang-undang, generasi kini lebih tertarik kepada hiburan digital berbanding aktiviti luar.

Antara faktor lain juga ialah pakaian tradisional, walaupun pakaian tradisional seperti baju kurung dan baju melayu masih dipakai, terdapat kecenderungan untuk menggayakan pakaian moden atau kasual yang kurang mencerminkan identiti budaya, dan hal ini secara tidak langsung mengkhakis keunikan tradisi yang menjadi kebanggaan masyarakat.

Lebih membimbangkan, amalan bermaaf-maafan yang dahulunya dilakukan secara bersemuka kini sering digantikan dengan mesej ringkas.

Tradisi memohon maaf secara berdepan dengan penuh rasa rendah diri merupakan amalan yang sangat menyentuh hati, namun kini ia sering digantikan dengan mesej ringkas melalui telefon, yang kadangkala kurang memberi kesan emosi yang mendalam.

Perubahan ini banyak

dipengaruhi oleh perkembangan teknologi, kesibukan hidup moden, urbanisasi serta perubahan nilai dalam masyarakat, dan generasi muda juga mungkin kurang terdedah atau tidak memahami kepentingan tradisi lama ini.

Persoalannya, adakah perubahan ini sesuatu yang tidak dapat dielakkan? Dalam dunia yang serba moden, adaptasi sememangnya perlu, namun mengorbankan tradisi sepenuhnya bukanlah pilihan yang wajar.

Tradisi bukanlah sekadar amalan rutin, tetapi merupakan warisan budaya yang membentuk identiti dan jati diri masyarakat, justeru usaha untuk menghidupkan kembali tradisi Hari Raya perlu diperkasakan.

Peranan keluarga amat penting dalam mendidik generasi muda agar menghargai nilai-nilai murni yang terkandung dalam setiap amalan, selain itu masyarakat juga boleh mengambil inisiatif untuk mengimbangi antara kemudahan teknologi dan keindahan tradisi.

Akhirnya, Hari Raya bukan sekadar tentang kemeriahan luaran, tetapi tentang hubungan sesama insan dan penghargaan terhadap warisan budaya. Jika tradisi ini terus diabaikan, tidak mustahil suatu hari nanti ia hanya tinggal kenangan. Oleh itu, marilah kita bersama-sama memelihara dan menghidupkan kembali tradisi Hari Raya agar ia terus mekar dalam kehidupan generasi akan datang.

NBD alami keadaan cuaca panas luar biasa

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada di penghujung fasa kedua Monsun Timur Laut (MTL). Dalam tempoh berkenaan, keadaan atmosfera lazimnya lebih stabil, dengan pengurangan aktiviti hujan.

Sejak 8 Mac yang lalu, tiada turunan hujan direkodkan di Stesen Pencerapan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam di

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB). Setakat ini, jumlah turunan hujan yang direkodkan bagi Mac 2026 adalah sebanyak 44.5 milimeter (mm), iaitu sekitar 80 peratus lebih rendah berbanding jumlah purata normal bagi Mac, iaitu 143.4mm.

Selain itu, NBD telah mengalami keadaan cuaca panas luar biasa. Dalam tempoh tiga hari kebelakangan ini, suhu maksimum harian yang direkodkan di

beberapa kawasan telah mencapai sehingga 34.7 darjah Celsius.

Bagi minggu terakhir bulan Mac ini, keadaan cuaca di NBD dijangka berterusan stabil dengan aktiviti hujan yang minimum. Manakala, suhu maksimum harian dijangkakan berada dalam lingkungan 33 darjah Celsius hingga 35 darjah Celsius.

Sehubungan dengan itu, orang

■ Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan keselamatan berikutan keadaan cuaca panas dan kering yang sedang berlaku dan dijangka berterusan bagi minggu yang akan datang.

Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan

menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.met.gov.bn serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook @bruneiwether, Instagram @brunei.weather, Telegram dan WhatsApp Brunei Weather.

TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA, GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.

SEAT BELTS CAN SAVE LIVES, ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.

Road Safety Depends on #YouAndMe

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menyantuni Anak Yatim : Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 1 April 2026
2. 'Cabaran Belia Dalam Mendapatkan Pekerjaan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 8 April 2026
3. 'Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Remaja'. Tarikh Tutup : 15 April 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Walau berjauhan, Syawal tetap bermakna

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

MENYAMBUT Hari Raya Aidilfitri jauh dari tanah air menghadirkan pengalaman yang berbeza, penuh rindu namun bermakna. Di perantauan, setiap takbir dan salam menjadi penghubung hati dengan keluarga tercinta. Walau berjauhan, semangat Syawal tetap dirasai melalui kenangan, doa dan harapan yang sentiasa menguatkan jiwa dalam menghadapi cabaran hidup di rantau.

Leftenan Kolonel Suzana binti Haji Antin, Pejabat Atachi Pertahanan, Pejabat Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Manila, Republik Filipina

"Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada keluarga tersayang dan sahabat handai walau di mana jua

berada, serta saya memohon maaf zahir dan batin atas segala kekhilafan yang lalu. Tahun ini merupakan tahun ketiga saya menyambut Hari Raya di perantauan, dan pastinya perbezaan amat dirasakan sekali apabila merayakan jauh dari kaum keluarga dan sahabat handai yang lainnya di Brunei. Apa yang amat dirasakan apabila berada di perantauan adalah kerinduan terhadap insan-insan yang telah terdahulu pergi meninggalkan kita, lebih-lebih lagi di saat-saat bermakna seperti ini. Walaupun diberi peluang berkhidmat di luar negara, benarlah kata pepatah Melayu, 'Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri', namun Hari Raya di tanah air sendiri tetap paling terkesan di hati. Rindu suasana di kampung, gelak tawa bersama keluarga, serta tradisi yang saban tahun diraikan. Semoga Aidilfitri kali ini membawa keberkatan, kebahagiaan dan mengeratkan lagi silaturahmi sesama kita".

Pg. Kamal Ghadafi bin Pg. Haji Suhaimi, wakil mahasiswa Universiti Brunei Darussalam di Beijing, Republik Rakyat China dalam jurusan Master of Government

"Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada keluarga, sahabat handai dan semua yang mengenali diri saya. Alhamdulillah, pada tahun ini dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama kesemua ahli keluarga, dan dengan rahmat serta nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, kami amat bersyukur serta mendoakan agar *kitani* semua sentiasa dikurniakan kesihatan, keamanan dan rahmat bersama keluarga tercinta".

★ **Awang Md. Adib Bahzi bin Majid, wakil mahasiswa di Peking University, Republik Rakyat China dalam jurusan Dasar Awam**

"Selamat Hari Raya Aidilfitri diucapkan kepada semua. Walaupun berjauhan di perantauan, ingatan dan doa tetap dekat di hati, menghubungkan kasih sayang yang tidak pernah terpisah oleh jarak. Semoga hari yang mulia ini membawa ketenangan, keberkatan serta kegembiraan kepada kita semua. Menyambut Hari Raya di perantauan pastinya menghadirkan perasaan yang berbeza, terasa sunyi tanpa kehadiran insan tersayang dan suasana kebersamaan seperti kebiasaan. Namun demikian, semoga setiap pengorbanan yang dilalui digantikan dengan kekuatan jiwa serta pengakhiran yang indah dan penuh makna. Maaf Zahir dan Batin".

Dayang Nur Adrianna Arissa binti Awang Mohd. Zulfadhli serta keluarga yang berada di London Academy Rabat, Maghribi

"Selamat Hari Raya Aidilfitri buat keluarga tersayang di Negara Brunei Darussalam yang jauh di mata tapi dekat di hati selalu. Di kesempatan ini kami menyusun 10 jari memohon ampun dan maaf atas segala salah dan silap. Semoga ikatan kasih sayang kita tetap utuh, merentasi jarak dan waktu. Salam Aidilfitri dari kami di Morocco, Maaf Zahir dan Batin".

Awang Haji Mohammad Hassanuddin bin Awang Haji Mohdar serta keluarga yang berada di Bandaraya Beijing, Republik Rakyat China

"Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang mulia pada tahun ini. Saya berserta keluarga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada kaum keluarga, sanak saudara, sahabat handai di mana jua berada. Semoga segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Aidilfitri ini akan membawa keberkatan dan kebahagiaan kepada kita semua. *Amin Ya Rabbal Alamin*".

Dayang Siti Amalina binti Rosli, wakil mahasiswi Universiti Brunei Darussalam di Universitas Airlangga Surabaya, Indonesia dalam jurusan Bachelor of Health Science (Midwifery)

"Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada keluarga dan seluruh warga di Negara Brunei Darussalam. Menyambut Syawal di perantauan buat pertama kali pastinya memberi pengalaman yang berbeza. Walaupun hati diselubungi rasa rindu terhadap keluarga, saya tetap bersyukur dapat meraikannya bersama rakan-rakan di sini. Dalam kesederhanaan, kami saling menguatkan dan mencipta kenangan bersama. Aidilfitri ini mengajar saya erti kesabaran dan penghargaan terhadap insan tersayang. Semoga kita semua sentiasa dalam rahmat Allah dan dipertemukan kembali pada masa yang diizinkan".

Dr. Awang Haji Muhammad Assyafie Hanif bin Abd. Rahman, Research Fellow, Saw Swee Hock School of Public Health, National University of Singapore, Singapura

"Allahuakbar. Allahuakbar. Allahuakbar. Allahuakbar Walillahil Hamd. Menyusun 10 jari dengan penuh kerendahan hati, saya memohon Maaf Zahir dan Batin kepada kedua ibu bapa, ahli keluarga, sanak saudara, serta sahabat handai di Negara Brunei Darussalam. Di perantauan, bukan sahaja menimba ilmu, tetapi juga erti sabar dan syukur - nilai yang kita rai di Aidilfitri. Buat semua warga Brunei yang bekerja dan menuntut ilmu di Singapura - walaupun kita jauh dari tanah air, semoga Syawal ini tetap membawa seribu makna. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Semoga kitani sentiasa dalam keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*".



41 pain darah berjaya dikumpulkan



SALAMBIGAR, Khamis, 26 Mac. - Dalam membantu meningkatkan tabung simpanan darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS, hari ini, mengadakan Kempen Derma Darah yang berlangsung di OneCity, Salambigar, di sini.

Sebanyak 41 pain darah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah yang diadakan bermula dari pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Ketua Penyelia Simpanan Darah Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS, Awang Haji Matusop bin Haji Daud ketika ditemui menjelaskan, Kempen Derma Darah disasarkan kepada orang awam terutama sekali para belia. Menurutnya, stok darah pada masa ini berkurangan dan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

menderma darah adalah sangat diperlukan.

Sebelum menderma darah jelasnya, pastikan awda cukup tidur lima ke keenam jam serta memakai pakaian yang bersesuaian semasa menderma di samping makan makanan seimbang serta minum air yang banyak.

Beliau seterusnya menjelaskan, menderma darah merupakan satu amalan mulia serta salah satu cara hidup sihat di samping yang paling penting adalah boleh menyelamatkan nyawa.

Selain memperoleh kesihatan

melalui menderma darah tambahnya, manfaat utama bagi penderma juga ialah merasa nikmat serta kepuasan kepada diri sendiri kerana sama-sama dapat membantu menyelamatkan nyawa seseorang.

Orang ramai boleh berkunjung ke Pusat-pusat Pendermaan Darah sama ada di Hospital RIPAS atau mana-mana pusat di daerah-daerah lain. Orang ramai juga boleh mengikuti jadual Kempen Derma Darah melalui Instagram @bloodbank.ripas atau aplikasi Bloodkad.



SEBANYAK 41 pain darah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah yang diadakan bermula dari pukul 10.00 pagi hingga 3.00 petang (atas dan atas kiri).

UTAMAKAN KESELAMATAN DI JALAN RAYA SEPANJANG PERAYAAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiha
Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

SEPERTI lazimnya apabila tiba Syawal, kunjung-mengunjungi ke rumah sanak saudara dan sahabat handai sudah menjadi amalan dalam kalangan masyarakat kita, sekali gus menyaksikan peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya (kanan dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Mac. - Orang ramai terutamanya para pemandu jalan raya diingatkan supaya sentiasa mengutamakan keselamatan ketika berada di jalan raya, khususnya semasa musim Hari Raya Aidilfitri ini.

Seperti lazimnya apabila tiba Syawal, kunjung-mengunjungi ke rumah sanak saudara dan sahabat handai sudah menjadi amalan dalam kalangan masyarakat kita, sekali gus menyaksikan peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya.

Dalam meraikan kemeriahan Hari Raya ini, semua pengguna jalan raya diseru untuk mengamalkan pemanduan yang berhemah dan beretika.

Pemandu dinasihatkan untuk memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan jauh, termasuk memeriksa brek, tayar, lampu dan minyak enjin.



Selain itu, peraturan dan undang-undang lalu lintas hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya serta meningkatkan keselamatan diri sendiri, penumpang dan pengguna jalan raya yang lain terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.

Elakkan memandu secara berbahaya seperti memotong secara melulu atau menggunakan telefon bimbit ketika sedang memandu.

Antara peraturan yang sering diabaikan oleh pengguna jalan raya ialah tidak memberi isyarat lampu atau melihat cermin tepi dan belakang terlebih dahulu sebelum menukar lorong.

Adalah penting untuk memastikan keadaan adalah

selamat sebelum menukar lorong dan jangan membahayakan para pengguna jalan raya yang lain.

Dalam masa yang sama, sikap sabar dan bertimbang rasa terhadap pengguna jalan raya lain amat diperlukan, terutama dalam keadaan trafik yang sesak. Di samping itu, para pengguna jalan raya juga perlu memandu pada jarak yang selamat apabila mengekori kenderaan lain dari belakang.

Satu lagi perkara mustahak untuk diberi perhatian ialah agar tidak memandu semasa dalam keadaan mengantuk atau keletihan bagi mengelak terjadinya terlelap sejenis (*microsleep*). *Microsleep* sering berlaku akibat kurang tidur, atau memandu tanpa rehat yang mencukupi, dan seseorang itu tertidur secara tidak sedar untuk beberapa saat.

Keadaan berkenaan amat berbahaya kerana pemandu hilang fokus sepenuhnya terhadap kenderaan dalam tempoh berkenaan, sekali gus mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dinasihatkan agar mendapat rehat secukupnya sebelum memulakan perjalanan, terutamanya bagi perjalanan jarak yang jauh.

Dengan mengamalkan langkah-langkah keselamatan berkenaan, orang ramai dapat menyambut Hari Raya dengan lebih selamat dan memastikan perjalanan pergi dan balik berlangsung dengan lancar.

RBC adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil



MAJLIS Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, sempena bulan Ramadan, anjuran Royal Brunei Culinary telah diadakan baru-baru ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Royal Brunei Culinary

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Mac. - Royal Brunei Culinary (RBC) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, sempena bulan Ramadan.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah Yaa Siin, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa yang dipimpin oleh Awang Muhammad Amin bin Haji Salim.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah RBC, Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi serta pihak pengurusan dan kakitangan RBC.

Majlis berkenaan merupakan sebahagian daripada inisiatif keagamaan RBC sepanjang bulan Ramadan, bertujuan untuk memohon keberkatan, mengenang mereka yang telah kembali ke rahmatullah, serta mengeratkan perpaduan dalam kalangan warga kerja.



NAIROBI (Kenya), 25 Mac. - Sekurang-kurangnya 88 orang maut dan 34,000 lagi kehilangan tempat tinggal akibat banjir berikutan hujan lebat di Kenya, lapor agensi berita Jerman dpa yang memetik Kementerian

Dalam Negeri pada Selasa. Hujan berterusan yang biasanya bermula pada pertengahan Mac, bermula sebulan lebih awal tahun ini dan sangat lebat.

Jalan raya di dalam dan sekitar Nairobi serta di barat negara itu bertukar menjadi sungai dengan cepat justeru mengejutkan

pejalan kaki dan pemandu.

Banyak kes mati lemas berlaku manakala yang lain terkena renjatan elektrik akibat talian elektrik terputus.

Di barat, tebing Sungai Nyando runtuh, menyebabkan banjir di jalan di sekitar Kisumu, bandar ketiga terbesar negara itu di tebing Tasik Victoria.

Pihak berkuasa Nairobi menggesa orang ramai di kawasan rendah bandar tersebut meninggalkan rumah mereka susulan bimbang tambak sungai berkenaan runtuh dan membanjiri kawasan.

Dan di barat, Palang Merah melaporkan pengungsian sekolah yang berada dalam

bahaya.

Perubahan iklim memburukkan lagi cuaca ekstrem di negara Afrika Timur itu. Meskipun hujan lebat melanda Nairobi dan barat Kenya, bahagian utara negara itu telah berbulan-bulan lamanya mengalami kemarau.

- ©BERNAMA

HUJAN LEBAT DI KENYA : LEBIH 80 MAUT, RIBUAN KEHILANGAN TEMPAT TINGGAL

Eksport beras Republik Sosialis Viet Nam berdepan kelewatan, kenaikan kos

CAN THO (Republik Sosialis Viet Nam), 25 Mac. - Peningkatan kos pengangkutan dan kelewatan penghantaran yang dikaitkan dengan ketegangan di Asia Barat menjejaskan eksport beras Republik Sosialis Viet Nam, memaksa peniaga menanggihkan penghantaran dan menggunakan pendekatan lebih berhati-hati terhadap kontrak baharu, kata pegawai pada Selasa.

Agensi Berita Vietnam (VNA) melaporkan Republik Sosialis Viet Nam berdepan cabaran logistik walaupun negara itu, yang juga satu daripada pengeksport beras

terbesar dunia, menjangkakan bekalan kukuh tahun ini dengan eksport diunjurkan mencecah kira-kira 7.73 juta tan.

Republik Sosialis Viet Nam mengeksport kira-kira 1.74 juta tan beras bernilai USD826.2 juta menjelang 15 Mac, menurut data kastam yang dibentangkan pada persidangan kerajaan mengenai eksport beras yang diadakan di bandar Delta Mekong, Can Tho.

Walaupun volum eksport meningkat 2.3 peratus tahun ke tahun, hasil eksport jatuh 8.7 peratus apabila harga global menurun.

Purata harga eksport turun 10.7

peratus kepada USD477.6 setiap tan, mencerminkan peningkatan bekalan daripada pengeksport utama seperti Republik India dan Thailand.

Pada masa sama, pengeksport menghadapi gangguan logistik yang semakin meningkat kerana laluan perkapalan dan kos terjejas disebabkan oleh konflik di Asia Barat.

"Eksport beras pada 2026 berkemungkinan terjejas akibat konflik di Timur Tengah," kata Nguyen Anh Son, ketua pengarah Jabatan Import-Eksport di bawah Kementerian Perindustrian dan Perdagangan.

Premium insurans penghantaran telah meningkat dan tempoh penghantaran telah dipanjangkan 10-15 hari, manakala kos pengangkutan domestik untuk penghantaran beras meningkat kira-kira 20,000-30,000 VND (USD0.8-1.2) setiap tan, katanya.

Pengeksport juga berdepan kekurangan kontena kosong dan kekerapan pelarasan pada jadual penghantaran kerana sesetengah syarikat penerbangan menghentikan atau mengalihkan perkhidmatan ke Asia Barat, menjadikannya lebih sukar untuk mendapatkan ruang kargo dan memenuhi tarikh akhir penghantaran.

Beberapa peniaga terpaksa merundingkan semula kontrak atau menanggihkan penghantaran, manakala beberapa syarikat menanggihkan pesanan baharu di tengah-tengah ketidakpastian yang berterusan

dalam pasaran global.

Republik Filipina kekal sebagai pasaran beras terbesar di Republik Sosialis Viet Nam, menyumbang hampir 56 peratus daripada penghantaran pada bulan pertama 2026 dengan kira-kira 711,000 tan, meningkat kira-kira 30 peratus daripada setahun sebelumnya selepas negara itu menyambung semula import.

Republik Rakyat China menduduki tempat kedua, mengimport sekitar 178,000 tan, lebih dua kali ganda daripada tempoh yang sama tahun lepas apabila permintaan meningkat menjelang cuti Tet (Tahun Baharu Lunar).

Pasaran lain seperti Malaysia dan Australia mencatat pertumbuhan kukuh, manakala eksport ke beberapa negara Afrika merosot selepas lonjakan permintaan tahun lepas. - ©BERNAMA

Marcos arah pengeluaran dana kecemasan PHP20 bilion, jamin bekalan bahan api

MANILA, 25 Mac. - Presiden Ferdinand R. Marcos Jr. mengarahkan pengeluaran dana kecemasan PHP20 bilion untuk memastikan negara itu mempunyai bekalan bahan api yang mencukupi ketika krisis minyak global susulan konflik berterusan di Asia Barat, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Jabatan Tenaga akan menerima dana kecemasan menerusi Perintah Pengeluaran Peruntukan Khas dan Notis Peruntukan Tunai yang dikeluarkan pada Selasa, kata Jabatan Belanjawan dan Pengurusan (DBM) dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut DBM, bajet yang diluluskan itu akan diperoleh daripada Dana Gas Malampaya di bawah Akaun Khas dalam Kumpulan Wang Am.

"Pembiayaan itu akan dikenakan terhadap Dana Gas Malampaya, memastikan sumber sedia ada untuk keperluan keselamatan tenaga negara yang mendesak tanpa mengganggu program keutamaan lain," katanya.

PHP20 bilion akan digunakan untuk pelaksanaan Program Keselamatan Tenaga Kecemasan

kerajaan yang bertujuan memastikan ketersediaan bahan api, mencegah kekurangan bekalan dan mengurangkan kesan harga minyak global yang tidak menentu.

Ia akan membiayai perolehan strategik produk bahan api, termasuk diesel, petrol dan LPG, dalam usaha meningkatkan inventori bahan api nasional, menstabilkan harga pam dan memastikan operasi tanpa gangguan merentasi pengangkutan, logistik, pertanian, tindak balas kecemasan dan sektor kritikal lain.

Menurut DBM program itu akan dilaksanakan oleh Philippine National Oil Company Exploration Corp. (PNOC-EC), yang telah pun memulakan aktiviti perolehan untuk menambah bekalan domestik dengan segera.

"Memandangkan ketidakpastian global terus menjejaskan pasaran tenaga, pentadbiran Marcos mengambil sikap tegas dan proaktif memastikan Republik Filipina kekal berdaya tahan, bersedia dan dilindungi," katanya.

Langkah terbaharu itu dibuat

ketika ketegangan geopolitik semakin meruncing di Asia Barat yang menjejaskan pengeluaran dan pengedaran minyak global, menimbulkan risiko serius terhadap bekalan bahan api domestik dan kesinambungan perkhidmatan penting.

Marcos pada Selasa menandatangani Perintah Eksekutif 110, mengisytiharkan keadaan darurat tenaga negara selama setahun untuk menstabilkan sektor tenaga negara.

Pemangku Setiausaha DBM Rolando Toledo berkata kerajaan akan memastikan bahan api terus tersedia, harga disederhanakan dan perkhidmatan penting tidak terjejas.

"Setiap peso yang kami keluarkan di sini bertujuan untuk memastikan ekonomi bergerak, memastikan barangan mengalir dan memastikan perkhidmatan berjalan. Beginilah rupa disiplin fiskal - menggunakan dana awam di tempat yang paling penting, pada masa ia paling diperlukan," kata Toledo. - ©BERNAMA

Mobiliti populasi Republik Korea pada Februari terendah dalam 32 tahun

SEOUL, 25 Mac. - Mobiliti penduduk Republik Korea mencecah paras terendah dalam 32 tahun bagi bulan Februari ketika trend kadar kelahiran rendah dan populasi penuaan berlanjutan, menurut data kementerian statistik pada Rabu, lapor Xinhua.

Jumlah mereka yang bertukar tempat tinggal ke wilayah atau bandar berbeza berjumlah 615,000 pada Februari, turun 11.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas, menurut Kementerian Data dan Perangkaan.

Angka itu terendah sejak 1994 untuk mana-mana Februari, didorong oleh peralihan demografi jangka panjang, seperti kelahiran rendah dan penuaan penduduk, digabungkan dengan faktor jangka pendek seperti pengurangan dalam penyediaan perumahan serta cuti Tahun Baharu Lunar.

Kadar mobiliti penduduk, yang mengukur bilangan orang yang berpindah ke wilayah berbeza bagi setiap 100 orang, menurun 2.0 mata peratusan daripada tahun sebelumnya kepada 15.7 peratus pada Februari.

Ibu kota Seoul dan wilayah Gyeonggi di sekitarnya mencatat aliran masuk bersih masing-masing 4,227 dan 4,428 penduduk, tetapi wilayah Gyeongsang Selatan dan Gyeongsang Utara masing-masing mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak 3,454 dan 2,011 penduduk. - ©BERNAMA

Europol lancar unit baharu tingkat pembanterasannya penyeludupan manusia

THE HAGUE (NETHERLANDS), 25 Mac. - Kesatuan Eropah memperkukuh usaha memerangi penyeludupan migran menerusi unit baharu di Europol yang menyasarkan rangkaian penyeludupan antarabangsa, lapor agensi berita Jerman dpa.

Pada sidang akhbar di The Hague pada Selasa, Pengarah Europol Catherine De Bolle berkata rangkaian penyeludupan migran 'beroperasi dengan lebih

kompleks, dalam talian dan luar talian'. "Jika kita mahu memusnahkan rangkaian ini, keupayaan kita mesti berkembang sama pantas dengan mereka," katanya.

Beliau berkata rangkaian penyeludupan telah menjadi 'perniagaan jenayah global, digital dan sangat menguntungkan'.

"Mereka mempunyai dimensi global yang signifikan dan bergantung pada infrastruktur

kewangan pelbagai lapisan termasuk sistem perbankan bawah tanah, untuk bergerak dan menyembunyikan keuntungan jenayah mereka".

Menurut Europol, rangkaian penyeludupan membahayakan nyawa ratusan ribu orang setiap tahun dan menjadi semakin ganas.

Migran membayar sehingga 20,000 (USD22,000) untuk perjalanan yang mengancam

nyawa ke Eropah.

Europol berkata keuntungan berbilion itu sering disalurkan ke dalam mata wang kripto dan digunakan untuk membiayai aktiviti jenayah lain.

Kira-kira 90 peratus pendatang yang memasuki EU secara tidak tetap bergantung pada penyeludup, kata Pesuruhjaya Hal Ehwal Dalam Negeri EU Magnus Brunner, yang menyifatkan amalan itu sebagai bentuk jenayah terancang yang merosakkan.

Unit baharu tersebut, yang berpangkalan di ibu pejabat Europol di The Hague, akan menyelaraskan penyiasatan di

seluruh negara anggota dan bekerjasama rapat dengan agensi sempadan EU Frontex dan rakan kongsi antarabangsa.

Usahanya akan menumpukan pada analisis data dan penyiasatan kewangan untuk mengesan aliran wang dan mengganggu rangkaian penyeludupan.

Menurut Europol, ia telah membantu pihak berkuasa negara dalam menangani pemerdagangan manusia selama sedekad, menyelaraskan hampir 200 operasi menentang kumpulan penyeludupan tahun lepas. - ©BERNAMA

PM DENMARK LETAK JAWATAN, RUNDINGAN PEMBENTUKAN KERAJAAN BAHARU BERMULA



COPENHAGEN, 26 Mac. - Perdana Menteri Denmark Mette Frederiksen secara rasmi menyerahkan surat peletakan jawatan kerajaan kepada Raja Frederik X, pada Rabu sekali gus memulakan pusingan baharu rundingan bagi membentuk kerajaan baharu, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan daripada istana diraja Denmark, sesi menghadap itu berlangsung pada 10.15 pagi waktu tempatan (0915 GMT) di Amalienborg, kediaman rasmi keluarga diraja Denmark di

Copenhagen.

Selepas menyembah maklum keputusan Pilihan Raya Parlimen pada Selasa kepada baginda, Frederiksen meminta agar wakil parti-parti yang memenangi kerusi di Folketing - parlimen satu dewan negara itu - dibenarkan menyatakan pandangan mereka mengenai pembentukan kerajaan baharu.

Menurut pihak istana, proses pembentukan Kerajaan Denmark sebahagian besarnya mengikut amalan politik yang telah lama

diamalkan dan bukannya berdasarkan peraturan perlembagaan yang terperinci.

Berdasarkan saranan parti-parti berkenaan, seorang ketua perunding yang juga dikenali sebagai "penyiasat diraja" akan dilantik bagi meneroka kemungkinan pembentukan kerajaan baharu.

Dalam sesetengah kes, lebih daripada satu pusingan perundingan diperlukan dalam proses berkenaan.

Sebelum kerajaan baharu

ditubuhkan, Frederiksen akan terus menjalankan tugasnya dengan kapasiti sebagai kerajaan sementara.

Pilihan Raya Parlimen pada Selasa menyaksikan tiada mana-mana pihak memperoleh majoriti mudah di Folketing yang mempunyai 179 kerusi.

Parti Social Democrats pimpinan

Frederiksen kekal sebagai parti terbesar dengan memenangi 38 kerusi, namun "blok merah" (haluan kiri) mahupun "blok biru" (haluan kanan) gagal meraih 90 kerusi yang diperlukan untuk mencapai majoriti.

Parti Moderates yang berhaluan tengah dengan 14 kerusi, kini dilihat sebagai pemain yang penting dalam rundingan gabungan akan datang. - ©BERNAMA

Lebih 22,000 unggas dilupuskan susulan wabak selesma burung di tengah Republik India

NEW DELHI, 26 Mac. - Pihak berkuasa di negeri Chhattisgarh, tengah Republik India, pada Rabu melupuskan lebih 22,000 unggas susulan penularan wabak Avian Influenza (selesma burung), menurut pegawai, lapor Xinhua.

Wabak itu melanda kawasan Koni di Daerah Bilaspur, kira-kira 128 kilometer di utara Raipur, ibu negeri Chhattisgarh.

Menurut pegawai, kira-kira 4,744 ekor ayam daripada 5,037 yang

ditemak di sebuah ladang ternakan milik kerajaan mati, mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk daerah itu dan kawasan sekitarnya, sekali gus mendorong pihak berkuasa mengambil langkah bagi mencegah penularan virus.

Sampel bangkai ayam yang diuji mengesahkan kehadiran strain H5N1.

Jabatan kesihatan turut diarahkan memantau kesihatan

penduduk tempatan serta menjalankan pemeriksaan yang diperlukan.

Menurut pegawai, sampel semua pekerja di ladang ternakan milik kerajaan itu diuji dan didapati negatif.

Selesma burung ialah penyakit pernafasan yang amat berjangkit dalam kalangan unggas, disebabkan oleh virus H5N1 dan dalam kes tertentu boleh menjangkiti manusia. - ©BERNAMA

Peluncur ski keempat maut susulan salji runtuh di South Tyrol, Republik Itali

ROM, 26 Mac. - Seorang lagi peluncur ski maut susulan runtuh salji di wilayah Republik Itali di South Tyrol pada hujung minggu, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Lelaki berusia 44 tahun dari Austria itu meninggal dunia akibat kecederaannya di hospital di Bolzano, menurut pusat perubatan itu pada Rabu.

Sebanyak empat orang terkorban dalam kejadian itu iaitu dua lelaki lain berusia 56 dan 62

tahun dan seorang wanita berusia 26 tahun, kesemuanya berasal dari Republik Itali.

Tiga orang warga Republik Persekutuan Jerman turut cedera.

Menurut pasukan penyelamat, runtuh salji, yang berukuran kira-kira 150 meter lebar dan 800 meter panjang, telah menimpa puluhan peluncur ski di kawasan Alpen tinggi pada Sabtu.

Ketulan salji itu pecah berhampiran Hohe Ferse setinggi

2,669 meter berdekatan Ratschings.

Menurut Perkhidmatan Amaran Salji Runtuh Eropah (EAWS), secara keseluruhan, sekurang-kurangnya 130 orang maut dalam runtuh salji di Eropah pada musim sejuk ini.

Jumlah kematian runtuh salji tertinggi kini direkodkan di Itali dengan 36 kematian, diikuti Republik Perancis (31) dan Austria (29), lapor EAWS. - ©BERNAMA

Krisis perlindungan kanak-kanak semakin parah di Republik Demokratik Congo - UNICEF

KIGALI (RWANDA), 26 Mac. - UNICEF pada Rabu memberi amaran mengenai krisis perlindungan kanak-kanak yang semakin teruk dan peningkatan ancaman terhadap pekerja kemanusiaan di Republik Demokratik Congo ketika keganasan semakin meningkat di timur negara itu, lapor Anadolu Ajansi.

Gilles Fagninou, pengarah wilayah Afrika Barat dan Tengah UNICEF, berkata demikian selepas tamat lawatan lima hari ke negara tersebut dan beliau telah bertemu pihak berkuasa kerajaan serta wakil pemberontak AFC/M23.

Perbincangan mereka menumpukan pada kemajuan ketara yang dicapai dan cabaran yang masih ada dari segi hak kanak-kanak di Congo, menurut satu kenyataan.

Data terkini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menunjukkan lebih tujuh juta orang kehilangan tempat tinggal di timur Congo termasuk 2.5 juta kanak-kanak.

Pada 2024, hampir 4,000 pencabulan hak kanak-kanak yang serius telah direkodkan, dengan kanak-kanak mewakili lebih 40 peratus mangsa keganasan seksual, menurut data.

"Serangan ke atas sekolah, kemudahan kesihatan dan infrastruktur awam terus meningkat, menyebabkan kanak-kanak kehilangan keselamatan dan perkhidmatan penting," menurut kenyataan itu.

Agensi kanak-kanak itu juga memberi amaran tentang peningkatan keganasan yang menjejaskan operasi kemanusiaan.

Pada 2025, lebih 626 insiden yang menjejaskan penggiat kemanusiaan direkodkan di seluruh negara, menurut Pejabat PBB untuk Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan (OCHA).

"Serangan ke atas pekerja bantuan bukan hanya menyasarkan pekerja bantuan; mereka menyasarkan kanak-kanak dan keluarga yang bergantung pada bantuan menyelamatkan nyawa," kata Fagninou.

"Setiap kali akses disekat, makanan, air dan ubat-ubatan tidak sampai kepada mereka yang paling memerlukan."

Menurut PBB, orang awam di Congo diserang oleh banyak kumpulan bersenjata, terutamanya pemberontak M23, Allied Democratic Forces (ADF) dan kumpulan militia CODECO. - ©BERNAMA

Iraq lanjutkan penutupan ruang udara selama 72 jam

BAGHDAD, 26 Mac. - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Iraq mengumumkan lanjutan penutupan ruang udara negara itu selama 72 jam lagi pada Rabu berikutan ketegangan yang berterusan di rantau itu, lapor Agensi Berita Qatar.

Dalam satu kenyataan media, pihak berkuasa itu memaklumkan yang penutupan ruang udara melibatkan semua penerbangan masuk, keluar dan transit, bermula dari tengah hari sehingga tengah hari Sabtu ini.

Keputusan itu disifatkan sebagai langkah berjaga-jaga sementara.

Menurut pihak berkuasa, keputusan dibuat berdasarkan penilaian berterusan terhadap situasi keselamatan dan perkembangan serantau, serta akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keadaan semasa.

Syarikat penerbangan dan pihak berkaitan akan dimaklumkan mengenai sebarang perkembangan lanjut. - ©BERNAMA

Harga bahan api di Kemboja terus meningkat

PHNOM PENH, 26 Mac. - Harga runcit bahan api di Kemboja terus meningkat disebabkan oleh peningkatan konflik Timur Tengah, kata Kementerian Perdagangan dalam pengumuman pada tengah malam Rabu.

Dalam pengumuman itu, Kementerian Perdagangan berkata seliter petrol biasa berharga 5,450 riel (USD1.36 dolar) bermula Khamis sehingga notis seterusnya, sedikit meningkat 0.92 peratus daripada 5,400 riel dalam tempoh tujuh hari yang lalu.

Harga diesel pula dijual pada 7,100 riel (USD1.77 dolar) seliter, naik 5.97 peratus daripada 6,700 riel, tambah kenyataan itu.

Selain itu, harga Gas Petroleum Cecair (LPG) ditetapkan pada 3,200 riel (USD0.79 dolar) seliter pada Khamis.

Sejak bermulanya konflik Timur Tengah, harga petrol biasa, diesel dan LPG di Kemboja meningkat masing-masing sebanyak 41.5 peratus, 84 peratus dan 60 peratus, menurut Kementerian Perdagangan.

Sejak minggu lalu, kerajaan Kemboja telah mengurangkan duti import dan cukai ke atas produk petrol dan diesel, bertujuan untuk mengurangkan kesan kenaikan harga minyak antarabangsa dan meringankan beban pengguna.

Negara Asia Tenggara itu bergantung sepenuhnya kepada petroleum dan diesel yang diimport, kerana rizab minyak dasar lautnya belum dieksploitasi lagi. - ©XINHUA



RAKYAT Kemboja bertolak pulang ke kampung halaman mereka di seluruh negara menjelang perayaan Pchum Ben dari Phnom Penh, ibu kota Kemboja, pada 19 September 2025.



ZULFADHLI PUJI AKSI CEMERLANG PASUKAN MEMANAH 'COMPOUND' WANITA DI PIALA ASIA

KUALA LUMPUR, 26 Mac. - Jurulatih skuad memanah *compound* negara, Zulfadhli Ruslan memuji persembahan cemerlang ditampilkan pemanah wanita negara yang berjaya menyumbang pingat gangsa di Kejohanan Memanah Piala Asia 2026 (Peringkat 1) di Bangkok, Thailand.

Beliau berkata, anak buahnya itu bukan sahaja menyumbang pingat gangsa malah turut berjaya memperbaharui rekod kebangsaan bagi acara *compound* berpasukan wanita.

"Untuk pasukan wanita, selepas kegagalan di Sukan SEA tempoh hari saya

dan juga pembantu jurulatih memang banyak fokus pada team wanita untuk meningkatkan prestasi mereka dan Alhamdulillah kita boleh nampak hasil pada kejohanan ini, dimulai dengan rekod baharu kebangsaan dan pingat gangsa acara *elimination rounds*.

"Kita akan terus pantau prestasi mereka supaya akan terus meningkatkan pada kejohanan yang lain," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Dalam pada itu Zulfadhli turut berbangga dengan persembahan pemanah senior negara Fatin Nurfatehah Mat Salleh yang

berjaya mara ke perlawanan akhir acara individu.

"Kita boleh nampak Fatin dah berjaya (membuat) *comeback* selepas kurang menyerlah pada Sukan SEA lepas dengan beberapa pertukaran teknik dan peralatan.

"Jadi kita boleh nampak perubahan yang baik dari segi panahan dan beliau berjaya menyamai rekod kebangsaan yang dia lakukan pada tiga tahun lepas. Malah beliau juga berjaya melangkah ke (peringkat) final acara individu," katanya.

Sementara itu ketika diminta mengulas berkenaan prestasi skuad *compound* lelaki

negara Zulfadhli mengakui sedikit kecewa apabila mereka gagal mencapai sasaran yang ditetapkan.

"Untuk *game* pertama tahun ini saya boleh kata *performance* (prestasi) yang tidak memberangsangkan bagi pasukan *compound* lelaki yang mana kita mengharapkan mereka berada dalam Top 4 setiap kejohanan Asia, namun kali ini mereka kalah pada pusingan awal hari ini.

"Saya akan kaji balik di manasilap pasukan lelaki untuk persediaan *game* yang akan datang," katanya. -

©BERNAMA

Cheong Min cipta sejarah seiring wushu berkembang

KUALA LUMPUR, 25 Mac. - Jaguh wushu negara, Tan Cheong Min menyifatkan perjalanan kariernya setakat ini sebagai satu pencapaian membanggakan, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan generasi terdahulu yang tidak berpeluang menyertai banyak kejohanan besar di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata perkembangan sukan wushu membuka ruang lebih luas bagi atlet negara untuk bersaing di pentas dunia, sekali gus mempercepatkan

proses melahirkan lebih banyak bakat baharu.

Atlet berusia 27 tahun itu berkongsi keterujaannya melakar sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama merangkul pingat emas dalam sukan itu pada temasya Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Chengdu, Republik Rakyat China, tahun lepas bagi acara Nanquan+Nandao.

"Sebagai atlet wushu negara, saya boleh katakan karier saya agak berjaya jika dibandingkan dengan senior-senior saya. Saya juga sangat bertuah kerana pada

zaman mereka dahulu, terdapat beberapa temasya atau kejohanan yang mereka tidak berpeluang sertai.

"Tahun lepas, saya dapat beraksi di Sukan Dunia dan ia pengalaman yang sangat baik serta mengujakan, malah saya juga menjadi rakyat Malaysia pertama memenangi pingat emas dalam acara Nanquan+Nandao," katanya ketika ditemui Bernama baru-baru ini.

Cheong Min yang turut membawa pulang dua emas pada Kejohanan Wushu Dunia tahun lepas di Brasilia, Brazil, berkata kejayaan di Republik Rakyat China bukan sekadar pencapaian peribadi, tetapi memberi makna besar kepada pembangunan wushu di peringkat antarabangsa.

"Pingat emas itu bukan hanya untuk saya, tetapi untuk sukan ini dan komuniti wushu di seluruh dunia kerana ia sesuatu yang bersejarah.

"Buat masa ini, wushu masih belum dipertandingkan di Sukan Olimpik. Namun,

melalui platform seperti Sukan Dunia, mungkin suatu hari nanti sukan ini boleh dipertandingkan di Olimpik," kata pemenang pingat perak Sukan Asia Hangzhou 2022 itu.

Olahragawati Kebangsaan 2019/2020 itu turut mengakui masih menyimpan impian menghadiahkan pingat emas Sukan Asia buat negara walaupun menyedari cabaran besar menanti pada edisi akan datang di Aichi-Nagoya, Jepun, bermula September depan.

"Saya masih menasarakan pingat emas Sukan Asia, tapi cabaran utama adalah Republik Rakyat China yang sangat kuat. Namun, dalam sukan apa sahaja boleh berlaku kerana semua orang boleh melakukan kesilapan. Sama ada ia kelihatan mustahil atau tidak, kami tetap akan berjuang untuk mencapainya," katanya.

Selain menyerlah di pentas dunia dan Asia, Cheong Min juga mengumpul beberapa pingat emas pada temasya Sukan SEA. - ©BERNAMA

Salah akan meninggalkan Liverpool pada akhir musim

LONDON, 25 Mac. - Mohamed Salah mengumumkan pada hari Selasa bahawa dia akan meninggalkan Liverpool FC pada akhir musim, menamatkan tempoh cemerlangnya di Anfield.

Pemain berusia 33 tahun itu mengesahkan berita itu dalam video yang disiarkan di akaun media sosialnya, dengan berkata: "Malangnya harinya telah tiba. Ini adalah bahagian pertama perpisahan saya," sebelum menambah, "Saya akan meninggalkan Liverpool pada akhir musim".

Walaupun Salah menandatangani kontrak dua tahun baharu dengan kelab itu pada April 2025, Liverpool berkata kedua-dua pihak telah "mencapai persetujuan" mengenai masa depannya, yang membolehkannya pergi secara percuma.

Dengan piawaiannya sendiri yang tinggi, ia merupakan kempen yang sukar di atas padang. Salah telah menjaringkan

10 gol dalam 34 penampilan dalam semua pertandingan, meletakkannya di landasan untuk jumlah gol terendah sejak menyertai kelab itu pada 2017.

Isu di luar padang juga memainkan peranan. Selepas seri 3-3 dengan Leeds pada bulan Disember, Salah berkata dia telah "dilemparkan ke bawah bas" oleh kelab itu dan mendedahkan bahawa hubungannya dengan ketua jurulatih Arne Slot telah rosak.

Walaupun terdapat spekulasi tentang pemergiannya pada bulan Januari, dia kembali ke skuad selepas penglibatannya dalam Piala Negara-Negara Afrika.

Masih belum jelas di mana Salah akan bermain musim depan. Liverpool berkata dia memilih untuk membuat pengumuman awal kerana "rasa hormat dan terima kasih" kepada penyokong dan untuk memberikan kejelasan tentang masa depannya. - ©XINHUA

Tahukah Awda

UNIVERSITI Teknologi Brunei (UTB) telah mencatat satu lagi mercu tanda bersejarah dengan pelancaran rasmi Mushaf UTB pada Majlis Konvokesyen UTB Ke-13 bagi Tahun 2025. Muka depannya menampilkan palet hitam dan emas yang tersendiri, dengan khat Al-Quran Al-Karim yang diterapkan dalam motif gear, mencerminkan kedua-dua seni penciptanya dan identiti UTB sebagai pusat kecermerlangan kejuruteraan dan teknologi.

SUMBER : Pelita Brunei, September 2025.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KEIMANAN, TEGUHKAN KETAKWAAN KITA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA